ISSN 2289-3083

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# Laporan Tahunan 2023



Kementerian Ekonomi
Jabatan Perangkaan Malaysia

# Laporan Tahunan 2023

**Cetakan Pertama, 2023**
**Hakcipta Terpelihara © Jabatan Perangkaan Malaysia**

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa bentuk dan dengan apa juga cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

**Jabatan Perangkaan Malaysia**
*Department of Statistics Malaysia*
Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

| | | |
|---|---|---|
| Telefon | : | (603) 8885 7000 |
| Faks | : | (603) 8888 9248 |
| Laman Web DOSM | : | www.dosm.gov.my |
| E-mel | : | info@dosm.gov.my (pertanyaan umum)<br>data@dosm.gov.my (pertanyaan dan permintaan data) |
| Media Sosial | : | www.facebook.com/StatsMalaysia<br>www.twitter.com/statsmalaysia<br>www.instagram.com/statsmalaysia<br>www.youtube.com/statsmalaysia<br>www.tiktok.com/statsmalaysia |

# ISI KANDUNGAN

Perutusan Ketua Perangkawan Malaysia 002
Profil Korporat DOSM 006
Pencapaian DOSM 030
Sorotan 2023 038
Modal Insan Dan Pembangunan Kapasiti 064
Modenisasi dan Inovasi Statistik 076
Komunikasi Statistik 094
Ke Arah Organisasi Statistik Terbilang di Dunia 114
*Work Life Balance* 130
Cabaran dan Aspirasi 2024 142




**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**
**Ketua Perangkawan Malaysia**

# PERUTUSAN
## KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

"Warga DOSM Negeri memainkan peranan utama dalam mengumpul dan membekalkan data daripada lapangan, manakala warga DOSM di Ibu Pejabat bertanggungjawab menganalisis data tersebut dan menghasilkan laporan untuk disebarkan kepada umum. Sinergi ini memastikan proses penjanaan statistik berjalan lancar dan menyumbang kepada sebanyak 1,479 keluaran statistik diterbitkan pada tahun 2023."

# PERUTUSAN KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan.**

**BISMILLAHIRAHMANIRAHIM**

**ALHAMDULILLAHHIR RABBIL A'ALAMIN**
**WASSALATUWASSALAM MUALA ASHRAFIL AMBIA IWALMURSALIN WA'ALA ALIHI WASAHBIHI AJMAIN**

Syukur kehadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita telah berjaya melalui tahun 2023 dengan cabaran tugasan dan pencapaian yang membanggakan. Laporan Tahunan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) 2023 ini merupakan cerminan kepada usaha gigih, kerjasama erat, serta komitmen berterusan seluruh warga Jabatan dalam merealisasikan visi, misi dan moto yang telah digariskan.

## PENERAJU PERKHIDMATAN STATISTIK DEMI KESEJAHTERAAN SEJAGAT

Tahun 2023 membawa pelbagai peristiwa penting di peringkat nasional dan global yang turut memberikan impak kepada negara kita. Dalam konteks ini, DOSM sebagai peneraju perkhidmatan statistik negara turut menyahut cabaran daripada senario tersebut dengan komited memastikan setiap data dan statistik yang diterbitkan adalah tepat dan relevan, demi menyokong perancangan Kerajaan untuk menggubal dasar serta membuat keputusan yang tepat dan berkesan. Kerjasama erat antara semua peringkat amatlah penting. Warga DOSM Negeri memainkan peranan utama dalam mengumpul dan membekalkan data daripada lapangan, manakala warga DOSM di Ibu Pejabat bertanggungjawab menganalisis data tersebut dan menghasilkan laporan untuk disebarkan kepada umum. Sinergi ini memastikan proses penjanaan statistik berjalan lancar dan menyumbang kepada sebanyak **1,479 keluaran statistik** diterbitkan pada tahun 2023. Syabas diucapkan kepada semua warga DOSM yang bertungkus-lumus dalam penghasilan keluaran statistik ini.

Turut istimewa, Majlis Pelancaran Banci Ekonomi 2023 telah disempurnakan oleh YB Rafizi Ramli, Menteri Ekonomi pada 14 Mac 2023. Banci Ekonomi 2023 yang merupakan banci ke-5 yang dilaksanakan oleh DOSM telah berjaya dilaksanakan dengan cemerlangnya bermula pada April sehingga Oktober 2023. Data-data yang dikumpul adalah bagi tahun rujukan 2022 dengan anggaran pertubuhan sebanyak 1.2 juta. Antara statistik baharu yang dirancang ialah Statistik Industri 4.0, Statistik Milikan Belia, Statistik Industri Kenderaan Elektrik, Statistik Industri Dron dan Statistik e-Sport. Banci Ekonomi ini dapat meningkatkan kapasiti statistik negara serta menjadi penanda aras baharu *baseline figure* penyusunan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Jadual Input-Output dan pelbagai indeks yang lain. Selain itu, DOSM juga memikul cabaran baru dalam persediaan menghadapi Banci Pertanian 2024. Aktiviti pra-banci telah turut sama bermula dan giat dilaksanakan bermula pada tahun 2023.

## TERUS MEGAH DIPERSADA ANTARABANGSA

DOSM terus memperkukuhkan penglibatan di peringkat antarabangsa pada tahun 2023 dengan menyertai 150 program antarabangsa yang melibatkan 651 orang pegawai. Di samping itu, DOSM telah dijemput sebagai tenaga pengajar, panel, pembentang kertas penyelidikan dalam 33 mesyuarat kumpulan pakar, kursus, bengkel dan persidangan anjuran Antarabangsa yang melibatkan seramai 69 orang pegawai. Sumbangan dan penglibatan aktif DOSM dalam mesyuarat tertinggi di persada antarabangsa dibuktikan melalui peningkatan keahlian dalam kumpulan pakar sebagai pakar rujuk dalam kalangan komuniti statistik antarabangsa. Pada tahun 2023, DOSM telah diiktiraf sebagai ahli dalam 56 Jawatankuasa, Kumpulan Pakar, Kumpulan Kerja dan Persatuan di peringkat antarabangsa. DOSM juga telah diiktiraf sebagai ahli *Governing Council of the Statistical Institute for Asia and the Pacific* (GC SIAP) bagi penggal 2022-2024 di mana Malaysia telah menerima undian yang memberangsangkan daripada negara anggota Asia dan Pasifik, seterusnya telah dilantik sebagai Pengerusi bagi *18$^{th}$ Session of the GC SIAP 2022*. Selaras dengan komitmen tersebut, Malaysia telah ditawarkan untuk menjadi tuan rumah bagi penganjuran *19$^{th}$ Session of the GC SIAP* dan *18$^{th}$ Management Seminar* pada 13 sehingga 15 Disember 2023 di Kuala Lumpur. Penganjuran tersebut amat bermakna kepada Malaysia, mengambil kira buat julung kalinya, sesi tersebut dilaksanakan di luar ibu pejabat UNSIAP di Jepun dan Thailand. Penganjuran mesyuarat dan seminar tersebut memberi impak yang signifikan kepada imej Malaysia di peringkat Antarabangsa, khususnya ASEAN, Asia Pasifik dan OIC serta menyumbang kepada pembangunan statistik untuk kepentingan ekonomi global yang lebih kukuh dan stabil.

## PENUTUP

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada setiap warga Jabatan atas dedikasi dan kesungguhan yang telah dicurahkan sepanjang tahun 2023. Setiap pencapaian ini adalah hasil kerja keras dan semangat berpasukan yang tidak kenal penat lelah. Semoga semua warga DOSM terus mengekalkan budaya kerja yang cemerlang seiring dengan nilai teras Malaysia MADANI bagi mengorak kejayaan yang lebih besar serta menyumbang kepada kemajuan Jabatan dan negara tercinta.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**
**Ketua Perangkawan Malaysia**

# PROFIL KORPORAT DOSM

Maklumat Korporat 008
Tadbir Urus 014
Organisasi DOSM 018
Kewangan DOSM 028

01




NAZARIA
ROZITA



# MAKLUMAT KORPORAT

## PENUBUHAN DOSM

Pada tahun 1949, di bawah peruntukan **Statistics Ordinance 1949**, Biro Statistik telah ditubuhkan dan diketuai oleh ***Registrar of Statistics***. Pada masa itu, Biro Statistik berperanan menjalankan tugas-tugas pungutan, penyediaan dan penerbitan perangkaan terhad kepada data perdagangan luar negeri dan pertanian ladang.

Penubuhan Malaysia pada tahun 1963 telah membawa kepada penyatuan perkhidmatan perangkaan di Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Pada tahun 1965, Akta Perangkaan 1965 telah diluluskan oleh Parlimen dan *Statistics Ordinance 1949* dimansuhkan. Akta baru ini lebih holistik dan memberi mandat yang lebih besar dalam melaksanakan tugasan mengumpul statistik. Sehubungan itu, nama Biro Statistik telah ditukar kepada Jabatan Perangkaan yang diketuai oleh Ketua Perangkawan. Ketika itu, Ibu Pejabat Jabatan Perangkaan mempunyai 12 bahagian.

Sebagai agensi kerajaan unggul yang bertanggungjawab mengumpul, mentafsir dan menyebarkan statistik terkini, Jabatan Perangkaan Malaysia (Department of Statistics Malaysia (DOSM)) memainkan peranan penting dalam memantau prestasi ekonomi dan pembangunan sosial negara. Lokasi Ibu pejabat DOSM adalah di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya, dengan cawangan pejabat di setiap negeri. Jumlah terkini Bahagian adalah sebanyak 18 Bahagian manakala pejabat DOSM Negeri adalah sebanyak 14 cawangan, diikuti 30 Pejabat Operasi untuk pengumpulan data dan satu (1) Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) yang mula beroperasi sejak tahun 2012.

## PERANAN

Sebagai agensi utama dalam bidang perangkaan ke arah sistem maklumat yang bermutu, berorientasikan pengguna dan bertepatan masa, untuk pembentukan dasar perancangan pembangunan dan pentadbiran negara.

## FUNGSI

Di bawah **"Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989)"**, fungsi utama Jabatan Perangkaan Malaysia ialah:

**01** Mengumpul dan mentafsirkan perangkaan bagi tujuan pembentukan atau pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dalam apa juga bidang yang diperlukan oleh kerajaan atau bagi memenuhi keperluan-keperluan perdagangan, perniagaan, perindustrian, pertanian atau lain-lain.

**02** Menyebar perangkaan yang telah dikumpul atau tafsiran yang dibuat atas perangkaan yang dikumpul itu, bukan sahaja kepada agensi-agensi kerajaan, tetapi juga kepada pihak-pihak berkuasa atau orang-orang yang mana maklumat itu berguna untuk mereka.

# PELAN STRATEGIK JABATAN

Pada masa kini, berlaku evolusi data dan statistik dalam kehidupan yang mana keperluannya dilihat semakin kritikal bukan sahaja di peringkat organisasi, malahan jua di peringkat individu. Pelbagai pihak berkepentingan menggunakan statistik sebagai asas utama dalam membuat keputusan dan seterusnya memacu perubahan. Cabaran luar jangka dan krisis yang melanda masyarakat global juga telah menjadi pemangkin kepada peningkatan dalam produk dan Perkhidmatan Statistik yang terkini dan lebih kerap dengan dimensi yang lebih terperinci.

Selaras dengan *Guidelines for Developing Statistical Capacity – A Roadmap for Capacity Development 4.0* di bawah PARIS21, isu dan cabaran dikenal pasti berdasarkan lima sasaran/peringkat yang digariskan dalam kerangka kerja *Capacity Development 4.0* iaitu sumber, kemahiran dan pengetahuan, pengurusan, tadbir urus dan galakan/ insentif. *Capacity Development 4.0* adalah merupakan proses di mana sistem statistik, organisasi dan individu memperoleh, memperkuat dan mengekalkan kebolehan untuk mengumpulkan, menghasilkan, menganalisis dan menyebarkan data berkualiti tinggi dan boleh dipercayai untuk memenuhi keperluan pengguna.

Di Malaysia, hal ini merupakan satu isyarat bagi Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) selaku organisasi statistik rasmi negara untuk terus memperkukuh serta memperluaskan perkhidmatan statistik kepada segenap lapisan pengguna dan seterusnya memastikan organisasi DOSM terus kekal relevan dalam mendepani cabaran global dan nasional. Peningkatan komitmen kerajaan dalam pembangunan dan penggunaan data dan statistik menunjukkan potensi yang tinggi untuk membangunkan sistem statistik kebangsaan yang lebih kuat. Sistem statistik Malaysia dapat diperkuat dengan perkembangan teknologi yang pesat dalam pengeluaran, pemprosesan dan penyebaran data. Sistem statistik semasa akan bergerak ke arah yang lebih cekap untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk data dan maklumat untuk memaklumkan proses dan dasar pembangunan.

Sebagai penjana statistik rasmi negara, DOSM merupakan penggerak utama ke arah penggunaan data dan statistik bagi membudayakan pembuatan keputusan berasaskan fakta dan data. Peranan ini penting bagi merealisasikan iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan matlamat Malaysia MADANI dan Ekonomi MADANI bagi pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif khususnya semasa negara berada dalam tempoh pemulihan yang pantas masa kini.




Dalam melaksanakan aktiviti statistik rasmi, kerangka kerja yang digunapakai oleh *National Statistical Office* (NSO) adalah berdasarkan panduan dan saranan organisasi statistik antarabangsa. Antara kerangka kerja yang diaplikasi oleh DOSM ialah *Generic Statistical Business Process Model* (GSBPM) yang diperkenalkan oleh *United Nations Economic Commission for Europe* (UNECE) dan *Capacity Development 4.0 Framework Matrix* (PAR1S21). Di samping itu, DOSM mengadaptasi manual dan standard terkini untuk pengeluaran produk yang berintegriti dan andal dengan berpandukan kepada *National Quality Assurance Framework* (NQAF). Ini turut disokong dengan implementasi *Data Documentation Initiative* (DDI) dan *Statistical Data and Metadata Exchange* (SDMX) dalam penyeragaman metadata dan penyebaran statistik di peringkat antarabangsa.

# PELAN STRATEGIK
## JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA 2021-2025

## VISI

Peneraju Perkhidmatan Statistik Demi Kesejahteraan Sejagat

## MISI

Memacu Statistik Berintegriti dan Perkhidmatan Profesional untuk Pembudayaan Keputusan Berasaskan Bukti

## MOTO

Statistik Nadi Kehidupan

- Meningkatkan Inovasi Rantaian Statistik untuk Penyampaian Perkhidmatan yang Efisien
- Memperkasakan Perkhidmatan Statistik yang Berintergriti, Relevan dan Andal
- Membudayakan Statistik dalam Kehidupan
- Memacu Analitik Data Sektor Awam



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



# OBJEKTIF

**OBJEKTIF**

**01** Mengukuh dan meningkatkan perkhidmatan statistik serta sistem penyampaian

**02** Memenuhi keperluan pengguna dalam persekitaran yang dinamik dan mencabar

**03** Meningkatkan keupayaan penyelidikan dan analisis data

**04** Menggunakan metodologi statistik dan teknologi yang terbaik secara maksimum

**05** Memupuk budaya inovasi dalam penghasilan dan penyampaian produk dan perkhidmatan perangkaan

**06** Mempunyai sumber manusia yang kompeten dengan tahap profesionalisme yang tinggi

**07** Memperluaskan penggunaan statistik di kalangan pengguna

# NILAI TERAS

Dalam merealisasikan visi, misi dan objektif DOSM, semua anggota DOSM perlu menghayati dan mengamalkan nilai-nilai teras seperti berikut:

**1**

**MESRA PELANGGAN**
Memberikan layanan yang mesra dan profesional kepada pengguna statistik. Sentiasa peka dan prihatin kepada keperluan pelanggan dalam persekitaran yang dinamik.

**2**

**INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI**
Melaksanakan tugas dengan penuh amanah, ikhlas dan jujur mengikut peraturan dan prosedur kerja tanpa kepentingan peribadi, memastikan kerahsiaan maklumat peribadi responden dilindungi dan bertanggungjawab terhadap tugas yang dilaksanakan.

**3**

**KOMPETEN**
Mengutamakan kompetensi dengan sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran untuk mencapai kualiti kerja terbaik, mempelajari pelbagai kemahiran bagi melaksana pelbagai tugas, peka terhadap perubahan semasa, berdisiplin, meningkatkan nilai kerohanian dan berdedikasi terhadap kerja serta membudayakan pembelajaran berterusan.

**4**

**BERHEMAH DAN BERWIBAWA**
Mempamerkan sifat terpuji seperti adil dan saksama, bertimbang rasa, mesra, sabar, tegas dan konsisten dalam membuat keputusan, dapat menyesuaikan diri dalam semua situasi serta sentiasa berketerampilan dan berbudi bahasa.

**5**

**SEMANGAT KEBERSAMAAN**
Mewujudkan persekitaran kerjasama yang utuh dalam diri setiap anggota agar menjadikan setiap perancangan, keputusan dan tindakan yang dilakukan lebih teratur, menjimatkan masa, cekap, dan menghasilkan produktiviti yang tinggi serta matlamat dan sasaran organisasi dapat dicapai secara keseluruhannya.

**6**

**PROFESIONALISME**
Mengamalkan profesionalisme dalam melaksanakan tugas dengan memberikan komitmen terbaik, bertanggungjawab dan gigih, memiliki ciri-ciri bijaksana, kreatif, inovatif, berdaya saing dan proaktif serta bertindak berdasarkan amalan statistik terbaik di samping terbuka untuk menerima pandangan dan cadangan.

# DASAR KUALITI

DOSM komited untuk membekalkan maklumat dan perkhidmatan statistik yang berorientasikan pengguna, bertepatan masa dan berkualiti. Ia dicapai melalui penggunaan teknik statistik dan teknologi yang terkini dan sesuai serta melalui peningkatan pengetahuan dan kemahiran anggota Jabatan di pelbagai peringkat secara berterusan.

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## Piagam Pelanggan

**DOSM komited memberi perkhidmatan statistik yang bertepatan masa, *reliable* dan berintegriti iaitu:**

1. Memastikan statistik disebar dan dapat diakses serentak secara atas talian mengikut Kalendar Keluaran Awalan *(Advanced Release Calendar-ARC)* yang ditetapkan
2. Memastikan prasarana eStatistik boleh diakses 24 jam sehari
3. Memastikan permohonan data disediakan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut ketersediaan data dan kompleksiti permintaan:
   - Data diterbitkan dalam penerbitan dan portal disediakan dalam tempoh satu hingga dua hari bekerja
   - Data tidak diterbitkan dan perlu diekstrak dari penjadualan komputer disediakan dalam tempoh tiga hingga lima hari bekerja
   - Data yang memerlukan pengiraan, penyusunan dan prosesan tambahan disediakan dalam tempoh dua hingga 10 hari bekerja; atau
   - Data kompleks disediakan dalam tempoh tidak melebihi 30 hari bekerja

**DOSM sentiasa memberi perhatian kepada jalinan hubungan dengan pelanggannya dalam menyampaikan perkhidmatan statistik dan memastikan:**

1. Pelanggan di kaunter dilayan dalam tempoh 10 minit daripada masa ketibaan; dan
2. Pertanyaan, maklum balas dan aduan yang diterima dikendalikan dalam tempoh 7 hari bekerja



# TADBIR URUS

## PUNCA KUASA

*Statistics Ordinance 1949* telah dimansuhkan dan digantikan dengan Akta Perangkaan 1965. Pada masa yang sama, **Akta Banci 1960** juga digunakan untuk pelaksanaan banci. **Akta Perangkaan 1965 telah disemak semula pada tahun 1989**. Fungsi Jabatan dinyatakan dengan jelas di bawah Seksyen 2(2):

**"Fungsi-fungsi Jabatan ini adalah untuk mengumpulkan dan mentafsirkan perangkaan-perangkaan bagi maksud memperlengkapi maklumat yang dikehendaki dalam membentuk atau menjalankan dasar Kerajaan dalam apa-apa bidang atau selainnya yang dikehendaki bagi maksud-maksud Kerajaan atau bagi memenuhi keperluan-keperluan perdagangan, komers, perindustrian atau pertanian (termasuk perhutanan, perikanan dan perburuan)."**



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 415

AKTA PERANGKAAN 1965

(Disemak - 1989)

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur, bagi *Statistics Act 1965* sebagaimana disemak dalam tahun 1989. Melainkan dan sehingga ditetapkan sebagai sahih di bawah seksyen 7 (1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32), ia bukannya perundangan.



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 16

AKTA BANCI 1960

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006*

*Teks ini HANYA TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi Census Act 1960. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sahih di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.*

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD
DAN PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD
2006

# FUNDAMENTAL PRINCIPLES OF OFFICIAL STATISTICS (FPOS)

Tadbir urus statistik adalah berteraskan ***United Nations Fundamental Principles of Official Statistics*** yang menggariskan prinsip asas untuk diamalkan oleh organisasi statistik negara dalam mengeluarkan statistik rasmi. Statistik rasmi merupakan teras kepada proses pembentukan dasar sosioekonomi negara. Keberhasilan daripada produk dan perkhidmatan perangkaan yang dihasilkan DOSM adalah *statistical evidence* yang digunakan terutamanya oleh kerajaan sebagai input dalam pembentukan, pelaksanaan, penilaian dan semakan semula dasar awam negara.

## UNITED NATIONS FUNDAMENTAL PRINCIPLES OF OFFICIAL STATISTICS

1 **Principle 1:** *Relevance, Impartiality and Equal Access*

2 **Principle 2:** *Professional Standards, Scientific Principles, and Professional Ethics*

3 **Principle 3:** *Accountability and Transparency*

4 **Principle 4:** *Prevention of Misuse*

5 **Principle 5:** *Sources of Official Statistics*

6 **Principle 6:** *Confidentiality*

7 **Principle 7:** *Legislation*

8 **Principle 8:** *National Coordination*

9 **Principle 9:** *Use of International Standards*

10 **Principle 10:** *International Cooperation*

**Sumber:** *United Nations Economic Commission for Europe*
https://unece.org/statistics/FPOS

**1 TETAPKAN KEPERLUAN**
*SPECIFY NEEDS*

- 1.1 Kenal pasti keperluan — *Identify needs*
- 1.2 Runding dan sahkan keperluan — *Consult and confirm needs*
- 1.3 Tetapkan objektif output — *Establish output objectives*
- 1.4 Kenal pasti konsep — *Identify concepts*
- 1.5 Semak ketersediaan data — *Check data availability*
- 1.6 Sedia dan serahkan aktiviti kerja — *Prepare and submit business case*

**2 REKA BENTUK**
*DESIGN*

- 2.1 Reka bentuk output — *Design outputs*
- 2.2 Reka bentuk deskripsi variabel — *Design variable descriptions*
- 2.3 Reka bentuk pengumpulan — *Design collection*
- 2.4 Reka bentuk rangka dan sampel — *Design frame and sample*
- 3.5 Reka bentuk pemprosesan dan analisis — *Design processing and analysis*
- 3.6 Reka bentuk sistem pengeluaran dan aliran kerja — *Design production systems and workflow*

**3 BINA**
*BUILD*

- 3.1 Guna semula atau bina instrumen pengumpulan — *Reuse or build collection instruments*
- 3.2 Guna semula atau bina komponen proses dan analisis — *Reuse or build processing and analysis components*
- 3.3 Guna semula atau bina komponen penyebaran — *Reuse or build dissemination components*
- 3.4 Konfigurasi aliran kerja — *Configure workflows*
- 3.5 Uji sistem pengeluaran — *Test production systems*
- 3.6 Uji proses kerja statistik — *Test statistical business process*
- 3.7 Muktamadkan sistem pengeluaran — *Finalise production systems*

**4 PUNGUT**
*COLLECT*

- 4.1 Wujudkan rangka dan pilih sampel — *Create frame and select sample*
- 4.2 Tetapkan kaedah pengumpulan — *Set up collection*
- 4.3 Jalankan pengumpulan — *Run collection*
- 4.4 Muktamadkan pengumpulan — *Finalise collection*

Sumber: *United Nations Economic Commission for Europe, Ver. 5.1, January 2019*

| 5 PROSES *PROCESS* | 6 ANALISIS *ANALYSE* | 7 SEBAR *DISSEMINATE* | 8 PENILAIAN *EVALUATE* |
|---|---|---|---|
| 5.1 Integrasi data *Integrate data* | 6.1 Penyediaan deraf output *Prepare draft outputs* | 7.1 Kemaskini sistem output *Update output systems* | 8.1 Kumpul input penilaian *Gather evaluation inputs* |
| 5.2 Kod dan klasifikasi *Classify and code* | 6.2 Validasi output *Validate outputs* | 7.2 Hasilkan produk penyebaran *Produce dissemination products* | 8.2 Jalankan penilaian *Conduct evaluation* |
| 5.3 Semak semula dan sahkan *Review and validate* | 6.3 Tafsir dan terangkan output *Interpret and explain outputs* | 7.3 Urus pengeluaran produk penyebaran *Manage release of dissemination products* | 8.3 Setuju pelan tindakan *Agree an action plan* |
| 5.4 Sunting dan imputasi *Edit and impute* | 6.4 Aplikasi kawalan pendedahan *Apply disclosure control* | 7.4 Promosi produk penyebaran *Promote dissemination products* | |
| 5.5 Hasilkan variabel dan unit baru *Derive new variables and units* | 6.5 Muktamadkan output *Finalise outputs* | 7.5 Urus khidmat pelanggan *Manage user support* | |
| 5.6 Kira pemberat *Calculate weights* | | | |
| 5.7 Kira agregat *Calculate aggregates* | | | |
| 5.8 Muktamadkan fail data *Finalise data files* | | | |

# GENERIC STATISTICAL BUSINESS PROCESS MODEL (GSBPM) VERSI 5.1

DOSM telah mengadaptasi kerangka kerja *Generic Statistical Business Process Model* (GSBPM) yang diperkenalkan oleh *United Nations Economic Commission for Europe* (UNECE) mulai 2011. GSBPM ini mengandungi lapan proses utama dengan 45 subproses yang merangkumi peringkat perancangan, prosesan, analisis dan penyebaran statistik rasmi.

Untuk makluman, GSBPM versi 5.1, tahun 2019 yang dikeluarkan oleh UNECE sedang diadaptasi oleh DOSM yang melibatkan perubahan empat subproses bagi satu proses di tetapkan keperluan/ *specify needs* dan tiga bagi proses di bina/ *build*. Jumlah keseluruhan subproses telah berkurang daripada 45 kepada 43 subproses.

# ORGANISASI DOSM

## CARTA ORGANISASI



# PENGURUSAN




**DATO' SRI DR. MOHD UZIR BIN MAHIDIN**
KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

**PUAN HAJJAH NAZARIA BINTI BAHARUDIN**
TIMBALAN KETUA PERANGKAWAN
PROGRAM SOSIAL DAN PEMBANGUNAN TEKNIKAL

**DATIN SERI ROZITA BINTI TALHA**
TIMBALAN KETUA PERANGKAWAN
PROGRAM EKONOMI

# PENGURUSAN KORPORAT



**DATO' ASRI AB RAHMAN**
PENGARAH KANAN
INSTITUT MAKLUMAT DAN ANALISIS PASARAN BURUH (ILMIA)
(Bermula 15 November 2023)



**PUAN BETTY HASAN**
PENGARAH KANAN
INSTITUT MAKLUMAT DAN ANALISIS PASARAN BURUH (ILMIA)
(Sehingga November 2023)



**PUAN MARIYAM MOHAMAD**
PENGARAH KANAN
BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT



**PUAN JAMALIAH JAAFAR**
PENGARAH EKSEKUTIF
*MALAYSIAN BUREAU OF LABOUR STATISTICS* (MBLS)



**ENCIK MOHD YAZID KASIM**
PENGARAH KANAN
*CHANGE MANAGEMENT OFFICE* (CMO)



**PUAN EZATUL NISHA ABDUL RAHMAN**
PENGARAH
BAHAGIAN PERANGKAAN KOMUNIKASI STRATEGIK DAN ANTARABANGSA



**PUAN JUNIADAH ALI**
PENGARAH
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN



**ENCIK ZURAIDY ZAINAL ABIDIN**
PENGARAH
INSTITUT LATIHAN STATISTIK MALAYSIA (ILSM)

# SOSIAL DAN PEMBANGUNAN TEKNIKAL



**PUAN SITI ASIAH AHMAD**
PENGARAH KANAN
BAHAGIAN PERANGKAAN HARGA, PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN



**ENCIK WAN MOHD SHARULNIZAM WAN MOHD NAJURI**
PENGARAH KANAN
BAHAGIAN PERANGKAAN PENDUDUK DAN DEMOGRAFI



**PUAN FUZIAH MD. AMIN**
PENGARAH
BAHAGIAN PERANGKAAN PERTANIAN DAN ALAM SEKITAR



**PUAN ROSLAWATI YAHYA**
PENGARAH
BAHAGIAN PERANGKAAN TENAGA MANUSIA DAN SOSIAL



**PUAN RIYANTI SAARI**
PENGARAH
BAHAGIAN METODOLOGI DAN PENYELIDIKAN



**ENCIK HERZIE MOHAMED NORDIN**
PENGARAH
BAHAGIAN INTEGRASI DAN PENGURUSAN DATA

# EKONOMI



**ENCIK ZAINUDDIN AHMAD**
PENGARAH KANAN
BAHAGIAN PERANGKAAN PERKHIDMATAN

**PUAN NORHAYATI JANTAN**
PENGARAH KANAN
BAHAGIAN PERANGKAAN AKAUN NEGARA



**PUAN SITI HASLINDA MOHD DIN**
PENGARAH
BAHAGIAN PERANGKAAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA

**PUAN JAMIA AZNITA JAMAL**
PENGARAH
BAHAGIAN PETUNJUK EKONOMI



**PUAN SHAFIZAERMAWATY SHAFEI**
PENGARAH
BAHAGIAN PERANGKAAN IMBANGAN PEMBAYARAN

**NORALIZA MOHAMAD ALI**
PENGARAH
BAHAGIAN PERANGKAAN PENGELUARAN INDUSTRI DAN BINAAN

# DOSM NEGERI



**ENCIK MUHAMMAD AMRI IDRIS**
PENGARAH
DOSM NEGERI SABAH



**ENCIK MOHD RIDAUDDIN MASUD**
PENGARAH
DOSM NEGERI PERAK



**PUAN SITI ZAKIAH MUHAMAD ISA**
PENGARAH
DOSM WILAYAH PERSEKUTUAN



**PUAN DAYANG ROZANA ABANG HASSAN**
PENGARAH
DOSM NEGERI SARAWAK



**PUAN HARTINI YAACOB**
PENGARAH
DOSM NEGERI SELANGOR



**PUAN MAZREHA YA'AKUB**
PENGARAH
DOSM NEGERI JOHOR



**ENCIK KHAIROLNIZAM HASSAN**
PENGARAH
DOSM NEGERI PULAU PINANG



**ENCIK ABANG SAIFULHADI ABANG HAJI IBRAHIM**
PENGARAH
DOSM NEGERI MELAKA



**ENCIK RAZAMAN RIDZUAN**
PENGARAH
DOSM NEGERI PAHANG



**ENCIK FAREZA MOHAMED SANI**
PENGARAH
DOSM NEGERI KELANTAN



**ENCIK MOHD SAWAL SHAKIMON**
PENGARAH
DOSM NEGERI SEMBILAN



**PUAN MARLINI SAHUL HAMID**
PENGARAH
DOSM NEGERI TERENGGANU



**PUAN NADIA MARZUKI**
PENGARAH
DOSM NEGERI KEDAH



**ENCIK MINSON MAJIMBUN**
PENGARAH
DOSM NEGERI PERLIS
(Sehingga Disember 2023)



**ENCIK HAMKA ISMAIL**
PENGARAH
DOSM NEGERI PERLIS
(Bermula 18 Disember 2023)

# LOKASI

## IBU PEJABAT DAN INSTITUT LATIHAN

01 Ibu Pejabat (Putrajaya)
02 *Malaysian Bureau of Labour Statistics* (MBLS)
03 Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA)
04 Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM)

## DOSM KELANTAN

05 Pejabat Negeri
06 Pejabat Operasi Kuala Krai

## DOSM TERENGGANU

07 Pejabat Negeri
08 Pejabat Operasi Besut
09 Pejabat Operasi Dungun

## DOSM PAHANG

10 Pejabat Negeri
11 Pejabat Operasi Bentong
12 Pejabat Operasi Temerloh




## DOSM PERLIS

13 Pejabat Negeri

## DOSM KEDAH

14 Pejabat Negeri
15 Pejabat Operasi Langkawi
16 Pejabat Operasi Sungai Petani

## DOSM PULAU PINANG

17 Pejabat Negeri
18 Pejabat Operasi Seberang Perai

## DOSM PERAK

19 Pejabat Negeri
20 Pejabat Operasi Taiping
21 Pejabat Operasi Teluk Intan
22 Pejabat Operasi Sungkai

## DOSM WILAYAH PERSEKUTUAN

38 Pejabat Negeri
39 Pejabat Operasi Labuan
40 Pejabat Operasi Putrajaya

## DOSM SELANGOR

23 Pejabat Negeri
24 Pejabat Operasi Gombak
25 Pejabat Operasi Kajang

## DOSM MELAKA

26 Pejabat Negeri

## DOSM NEGERI SEMBILAN

27 Pejabat Negeri

## DOSM JOHOR

28 Pejabat Negeri
29 Pejabat Operasi Kluang
30 Pejabat Operasi Muar
31 Pejabat Operasi Batu Pahat

**DOSM SABAH**

- 32 Pejabat Negeri
- 33 Pejabat Operasi Keningau
- 34 Pejabat Operasi Kota Marudu
- 35 Pejabat Operasi Lahad Datu
- 36 Pejabat Operasi Sandakan
- 37 Pejabat Operasi Tawau




**DOSM SARAWAK**

- 41 Pejabat Negeri
- 42 Pejabat Operasi Bintulu
- 43 Pusat Operasi Kapit
- 44 Pejabat Operasi Limbang
- 45 Pejabat Operasi Miri
- 46 Pejabat Operasi Sarikei
- 47 Pejabat Operasi Sibu
- 48 Pejabat Operasi Sri Aman

# KEWANGAN DOSM

Pada tahun 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia telah diluluskan peruntukan Belanja Mengurus berjumlah **RM225,378,486.00** berbanding **RM212,308,100.00** pada tahun 2022. Peruntukan Belanja Pembangunan yang telah diluluskan adalah berjumlah **RM147,638,939.39** berbanding **RM109,179,001.00** pada tahun 2022.

## BELANJA MENGURUS

Peruntukan Belanja Mengurus sebanyak RM225,378,486.00 dengan meliputi Dasar Sedia Ada (DSA) berjumlah **RM225,198,486.00** dan Program Khusus Bertugas Luar Negara berjumlah **RM180,000.00**. Sehingga 31 Disember 2023, prestasi perbelanjaan peruntukan Belanja Mengurus adalah sebanyak 102.47 peratus dengan perincian seperti di bawah:

| Dasar | Peruntukan Sebenar (RM) | Perbelanjaan (RM) | Baki (RM) | Prestasi Belanja (%) |
|---|---|---|---|---|
| DSA | 225,198,486.00 | 230,787,564.95 | (5,589,078.95) | 102.48 |
| Program Khusus Luar Negara | 180,000.00 | 151,655.81 | 28,344.19 | 84.25 |
| **Jumlah** | **225,378,486.00** | **230,939,220.76** | **(2,153,060.81)** | **102.47** |

## BELANJA PEMBANGUNAN

Peruntukan Belanja Pembangunan bagi tahun 2023 sebanyak **RM147,638,939.39** dengan melibatkan 11 projek. Sehingga 31 Disember 2022, prestasi perbelanjaan peruntukan Belanja Pembangunan adalah sebanyak **RM140,127,059.50** atau **97.81 peratus**. Perincian peruntukan dan prestasi perbelanjaan pembangunan adalah seperti jadual di sebelah:



| Projek | Peruntukan Diluluskan (RM) | Peruntukan Sebenar (RM) | Perbelanjaan (RM) | Peratus Belanja (%) |
|---|---|---|---|---|
| Banci Pertanian 2024 | 80,000,000.00 | 77,900,000.00 | 76,977,646.25 | 98.82 |
| Banci Ekonomi dan Perusahaan Kecil Sederhana 2021 | 33,600,000.00 | 35,700,000.00 | 35,700,429.49 | 100.00 |
| Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) | 6,400,000.00 | 6,699,440.00 | 6,338,432.36 | 94.61 |
| Survei Guna Tenaga Serta Gaji dan Upah | 4,500,000.00 | 3,950,000.00 | 3,803,567.77 | 96.29 |
| *Labour Market Information Analytics Platform* (LMIAP) Fasa 1 | 4,000,000.00 | 4,000,000.00 | 2,989,148.53 | 74.73 |
| *Labour Market Information Analytics Platform* (LMIAP) Fasa 2 | 500,000.00 | 200,560.00 | 0.00 | 0.00 |
| Kajian Indikator Baharu Pasaran Buruh | 1,000,000.00 | 1,000,000.00 | 878,483.37 | 87.85 |
| *National Household Indicators Surveys* (NHIS) | 514,500.00 | 514,500.00 | 481,307.52 | 93.55 |
| *Smart Newss* Fasa V | 0.00 | 755,500.00 | 755,500.00 | 100.00 |
| *Smart Newss* Fasa VI | 16,500,000.00 | 11,922,900.00 | 11,903,162.50 | 99.83 |
| Projek Pangkala Data Utama (PADU) | 624,439.39 | 624,439.39 | 299,381.71 | 47.94 |
| **Jumlah** | **147,638,939.39** | **143,267,339.39** | **140,127,059.50** | **97.81** |

## KAWALAN DAN PEMANTAUAN

Jabatan sentiasa memastikan pengurusan kewangan adalah cekap dan berkesan. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun bertanggungjawab memantau perbelanjaan dan pengurusan kewangan Jabatan bagi memastikan peruntukan yang disalurkan adalah digunakan secara berhemah dan aktiviti dilaksanakan secara *value of money*.

# PENCAPAIAN DOSM


| | |
|---|---|
| Banci dan Survei | 032 |
| Statistik Keluaran | 032 |
| Rangka Statistik | 034 |
| Konsultansi/ Rundingan Teknikal | 035 |
| Pengukuhan Sistem Statistik Negara (PSSN) | 035 |


02


KELUARAN DALAM
NEGERI KASAR
GROSS DOMESTIC PRODUCT
Buletin
Suku Tahunan
BNM
S2


ANGKAAN


Sasana Kijang
Dewan Persidangan
RAFIZI
STATISTIK EKONOMI
TAHUNAN
2022

# BANCI DAN SURVEI

Seiring dengan ketersediaan maklumat terkini bagi memenuhi keperluan pengguna yang pelbagai dalam persekitaran global yang dinamik dan mencabar, DOSM bertanggungjawab memungut, mentafsir dan menyebar statistik yang bertepatan masa dan relevan. Bagi tujuan tersebut, DOSM telah menjalankan pelbagai banci dan survei secara bulanan, suku tahunan dan tahunan dalam bidang ekonomi dan sosial. Ini adalah termasuk survei-survei *ad hoc* yang dijalankan dari semasa ke semasa.

## BILANGAN BANCI DAN SURVEI




*Banci Ekonomi – 50 Penyiasatan

# STATISTIK KELUARAN

DOSM telah berjaya menghasilkan **1,478 penerbitan** sepanjang tahun 2023 hasil daripada pelaksanaan banci dan survei serta penyusunan data sekunder. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **827 penerbitan** merupakan penerbitan *ad hoc* manakala **15 penerbitan** merupakan penerbitan baharu.




*Daripada Jumlah Keseluruhan


KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
STATISTIK KELUARAN DOSM 2023
KEKERAPAN
Bulanan
Suku Tahunan
Tahunan/ Ad hoc
2023
216
76
1,186
2022
217
68
1,278
JUMLAH PENERBITAN
1,478
2022 : 1,563
Bilangan
Stats Alert
293
2022 : 267
KATEGORI
Ekonomi
Sosial
Umum
2023
290
1,138
50
2022
259
1,255
49
www.dosm.gov.my
@StatsMalaysia
BANCI 2024 PERTANIAN
MALAYSIA MADANI

# RANGKA STATISTIK

## *MALAYSIAN STATISTICAL ADDRESS REGISTER* (MSAR)

*Malaysian Statistical Address Register* (MSAR) merupakan platform pangkalan data tempat kediaman (TK) yang dibangunkan oleh DOSM bagi menyokong pelaksanaan Banci dan Survei Jabatan. Pada 2023, bilangan BP *frozen frame* adalah sebanyak **101,166 BP** dan **9,449,534 TK** (termasuk TK Institusi). Pengemaskinian maklumat tempat kediaman dan isi rumah akan dibuat secara berterusan oleh DOSM Negeri.

## *MALAYSIAN STATISTICAL BUSINESS REGISTER* (MSBR)

*Malaysia Statistical Business Register* (MSBR) adalah senarai pertubuhan syarikat yang mana ia merupakan satu daftar lengkap perniagaan dan syarikat yang beroperasi di Malaysia. MSBR merangkumi semua senarai pertubuhan yang berdaftar berdasarkan pendaftaran syarikat (ROC), Perniagaan (ROB) dan *Limited Liability Partnership* (LLP) yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) serta pertubuhan yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan badan-badan profesional. MSBR menyediakan rangka untuk pelaksanaan banci dan survei ekonomi di DOSM. Maklumat pertubuhan dikemaskini secara berterusan oleh BMP dan DOSM Negeri.

Sehingga 31 Disember 2023, jumlah keseluruhan bilangan pertubuhan di MSBR ada sebanyak **1,137,523.** Pecahan mengikut sektor/subsektor ada seperti berikut:



# KONSULTANSI/ RUNDINGAN TEKNIKAL

| Kategori | Bilangan |
|---|---|
| Kerajaan: | 80 |
| Swasta: | 1 |
| Institut Pengajian Tinggi: | 2 |
| Antarabangsa: | 1 |
| Jumlah Keseluruhan | 84 |

# PENGUKUHAN SISTEM STATISTIK NEGARA (PSSN)

Pengukuhan Sistem Statistik Negara (PSSN) merupakan inisiatif penting yang diterajui oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Dengan mandat yang diberikan oleh kerajaan, objektif utamanya adalah untuk meningkatkan keupayaan Sistem Statistik Negara. Inisiatif yang berpandangan ke hadapan ini menekankan inovasi dan bertujuan untuk meningkatkan kualiti membuat keputusan dalam rangka kerja PSSN sedia ada. Ini termasuk pengeluaran statistik yang berkaitan, memastikan pematuhan dengan piawaian antarabangsa, dan menangani keperluan pembangunan negara dengan mengenalpasti kumpulan sasaran tertentu.

Pengukuhan PSSN akan mengutamakan peningkatan tadbir urus dan komponen penting lain Sistem Statistik Negara. Agenda utama adalah seperti berikut:

01 Penubuhan Majlis Statistik dan Data Negara (MSDN)

02 Pindaan Akta Perangkaan 1965 (Disemak - 1989)

03 DOSM Sebagai Agensi Pusat Perkhidmatan Statistik

04 Pelantikan *Chief Data Officer* (CDO) di Kementerian/ Jabatan/ Agensi (Persekutuan dan Negeri)

05 Penubuhan Pusat Analitik Data Raya Negara (*National Big Data Analytics Centre*)

06 Penubuhan *Change Management Office* (CMO)

07 Pembangunan Kapasiti Perkhidmatan Statistik

Kemajuan Pelaksanaan PSSN adalah seperti berikut:

## 01 MAJLIS STATISTIK DAN DATA NEGARA

- Mesyuarat Tertinggi MSDN dan Jawatankuasa Eksekutif MSDN masing-masing telah mengadakan mesyuarat pertama 2023; dan
- Tiga belas (13) Negeri termasuk Wilayah Persekutuan telah menubuhkan Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDNgW) manakala Negeri Sarawak menangguhkan penubuhan MSDNgW dan Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD). Negeri Pulau Pinang dan Perlis sedang dalam proses penubuhan MSDD.

## 02 PINDAAN AKTA PERANGKAAN 1965 (Disemak - 1989)

- Sedang memuktamadkan deraf Rang Undang-undang Akta Perangkaan bersama pejabat Penasihat Undang-Undang Kementerian Ekonomi.

## 03 DOSM SEBAGAI AGENSI PUSAT PERKHIDMATAN STATISTIK

Pemerkasaan DOSM sebagai agensi pusat perkhidmatan statistik diperkukuhkan dengan perluasan fungsi DOSM menerusi pindaan Akta Perangkaan dan meningkatkan kapasiti DOSM dengan pengukuhan struktur organisasi DOSM.

## 04 PELANTIKAN *CHIEF DATA OFFICER* (CDO) DI KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI (PERSEKUTUAN DAN NEGERI)

Mengemukakan kertas cadangan penubuhan Unit Statistik dan pelantikan CDO di Kementerian/ Jabatan / Agensi Persekutuan dan Negeri kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan melalui Kementerian Ekonomi dan seterusnya pelantikan secara berfasa selepas kelulusan diperoleh.

## 05 PENUBUHAN PUSAT ANALITIK DATA RAYA NEGARA (*NATIONAL BIG DATA ANALYTICS CENTRE* - NBDAC)

Pasukan Nucleus NBDAC DOSM menyediakan perancangan dan hala tuju strategik NBDAC. Penubuhan pasukan NBDAC yang lengkap di DOSM akan dipohon menerusi cadangan Penstrukturan DOSM yang akan diangkat kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk kelulusan.

## 06 PEMBANGUNAN KAPASITI PERKHIDMATAN STATISTIK

- Membina kepakaran statistik dalam bidang Metodologi Survei, Akaun Negara, Pasaran Buruh, Kependudukan dan Sains Data berdasarkan Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus *Subject Matter Expert* dan kaedah-kaedah pembangunan kapasiti yang sesuai dengan dasar semasa Kerajaan; dan
- DOSM meneruskan pembangunan kapasiti menerusi cadangan Penstrukturan DOSM kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.


ViewSonic
Keberhasilan PSSN

# SOROTAN 2023

Banci Ekonomi 2023 040

Sambutan Hari Statistik Negara (HSN) 2023 044

Persidangan Statistik Malaysia Ke-10 (MyStats) 2023 051

Keluaran Statistik Baharu 2023 058

03






Sasana Kijang
YB Dato Hajjah Hanifah

# BANCI EKONOMI 2023

## LATAR BELAKANG

Banci Ekonomi pertama kali dijalankan pada tahun 2000 dan dilaksanakan setiap lima tahun sekali. Pada kebiasaannya, Banci Ekonomi (tanpa Perdagangan Borong dan Runcit) dan Banci Perdagangan Borong dan Runcit dijalankan secara berasingan. Pada tahun 2023, Banci Ekonomi ini meliputi secara serentak keseluruhan pertubuhan perniagaan dan **"pertubuhan tidak berasaskan keuntungan"** dengan jumlah pertubuhan **1.2 juta**.

BANCI EKONOMI 2023
DATA PEMANGKIN EKONOMI NEGARA




## LIPUTAN

Semua pertubuhan perniagaan dan pertubuhan tidak berasaskan keuntungan yang beroperasi di Malaysia pada tahun rujukan 2022 dalam sektor:

- Pertanian
- Perlombongan & Pengkuarian
- Pembuatan
- Pembinaan
- Perkhidmatan

Tempoh pelaksanaan operasi BE 2023

- April – Disember 2023

## STRATEGI BE 2023

- Mempertingkatkan *strategic partnership* dengan pemegang taruh
- Memaksimumkan penggunaan *e-Economic Census*
- Memaksimumkan penggunaan teknologi dalam pemprosesan dan penyebaran data
- Memaksimumkan publisiti melalui sosial media

## KEPENTINGAN BE 2023

- Menilai pencapaian Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)
- Mengenalpasti pertumbuhan baharu ekonomi
- Menjana statistik ekonomi baharu
- Menjana statistik utama sehingga ke peringkat daerah
- Meningkatkan kapasiti statistik data raya negara
- Menjadi penanda aras baharu untuk memperkemaskan statistik sedia ada

## MAJLIS PELANCARAN BE 2023

Majlis Pelancaran BE 2023 yang dirasmikan oleh YB Rafizi Ramli, Menteri Ekonomi telah diadakan pada 14 Mac 2023 di Sasana Kijang bertemakan "Data Pemangkin Ekonomi Negara". Satu sesi forum bersama pemegang taruh juga diadakan semasa majlis pelancaran tersebut dengan tema "Memanfaatkan Data dalam Pembuatan Keputusan Berimpak Tinggi."

Objektif majlis pelancaran ini diadakan adalah untuk:

- Menguar-uarkan secara meluas tentang pelaksanaan Banci Ekonomi BE 2023
- Pelancaran sebagai tanda simbolik bermulanya Banci Ekonomi yang diadakan selepas pandemik COVID-19
- Meningkatkan kesedaran dan kefahaman dalam kalangan komuniti terutamanya pengusaha/ pertubuhan tentang kepentingan statistik kepada Negara
- Memperkukuhkan lagi kerjasama dengan pihak berkepentingan khususnya bagi proses pengumpulan data Jabatan

Sesi pameran turut diadakan di ruang legar dengan penyertaan enam *booth* pameran termasuk DOSM WP Kuala Lumpur dan Selangor.










# TAKLIMAT OPERASI KERJA LUAR BE 2023

Taklimat Operasi Kerja Luar BE 2023 telah diadakan pada 15–17 Mac 2023 bertempat di Dewan Anggerik, Blok C6, Jabatan Perangkaan Malaysia. Objektif utama taklimat ini adalah untuk mengadakan perbincangan dua hala di antara Bahagian Butiran Perkara dan pihak DOSM Negeri ke arah memperkasa data yang berkualiti dan bertepatan masa. Di samping itu, taklimat ini turut menekankan perkara-perkara berikut:

- Memaklumkan kepada DOSM Negeri mengenai pendekatan, liputan dan konsep yang akan digunakan dalam BE 2023
- Memaklumkan kepada DOSM Negeri mengenai jadual pelaksanaan aktiviti bagi BE 2023
- Memaklumkan dan membincangkan mengenai penambahbaikan soalan dalam borang soal selidik BE 2023 termasuk soalan modul Daya Saing merangkumi modul Import dan Eksport bagi Seksyen C, modul Affiliate Asing bagi Seksyen F dan modul Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE) bagi Seksyen G
- Membincangkan strategi pengumpulan data operasi lapangan dan memperkenalkan sistem e-BE kepada DOSM Negeri yang akan digunakan dalam pelaksanaan Banci Ekonomi

# TAKLIMAT PROSESAN BE 2023

Taklimat Prosesan Banci Ekonomi kepada DOSM Negeri telah diadakan pada 23–25 Mei 2023 secara dalam talian. Objektif pelaksanaan taklimat prosesan ini adalah seperti berikut:

- Menerangkan kepada DOSM Negeri berkenaan jadual pelaksanaan prosesan data BE 2023
- Menerangkan kepada DOSM Negeri berkenaan penambahbaikan sistem IDEPS
- Menerangkan aliran kerja dan penggunaan sistem prosesan data e-BE
- Memberi pendedahan berkenaan kaedah penyuntingan dan pengekodan data bagi e-BE

# LAWATAN PEMANTAUAN OPERASI DAN SESI TATAKELOLA DATA BE 2023

Sesi tatakelola Data BE 2023 bersama DOSM Negeri dilaksanakan bagi memantapkan aktiviti pengoperasian BE 2023 serta meningkatkan pengurusan kualiti data sehingga ke peringkat terkecil. Sesi ini melibatkan Pengurusan Tertinggi DOSM, Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (BPPIB), Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (BPP), Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (BPPAS) beserta SMD lain (BPAN dan BPE) serta DOSM Negeri dan responden terpilih. Lawatan pemantauan ini dilaksanakan bermula Jun sehingga September 2023 melibatkan operasi dan prosesan di DOSM Negeri. Antara objektif pelaksanaan adalah seperti berikut:

- Membentangkan laporan kemajuan dan prestasi BE 2023 DOSM Negeri
- Membincangkan pemantapan strategi operasi dan isu-isu pengumpulan data BE 2023 di lapangan serta prosesan bersama DOSM Negeri
- Menentusahkan status pertubuhan bagi kes-kes Lain Keputusan
- Meneliti dan menilai kualiti data pertubuhan BE 2023 di peringkat granular
- Meneliti dan menilai pelaksanaan analisis profil pertubuhan oleh DOSM Negeri
- Memperkukuh analisis pengumpulan dan pengisian data mikro di peringkat DOSM Negeri
- Membincangkan perkembangan semasa ekonomi di peringkat lokaliti bersama SME sebagai input tambahan analisis data BE 2023 dan penyediaan sorotan sektoral







BUDAYA KAMI
BILANGAN RANGKA MENGIKUT MyAEC




JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
PERSEKUTUAN


KELUAR

OVERVIEW
BANCI EKONOMI 2023
(BE2023)

# SAMBUTAN HARI STATISTIK NEGARA (HSN) 2023

## LATAR BELAKANG HSN

Sambutan Hari Statistik Negara (HSN) pada tahun 2023 buat julung kalinya diadakan di Sabak Bernam, Selangor yang bertemakan "Statistik Nadi Kehidupan." Pengisytiharan HSN bertujuan untuk meningkatkan kefahaman semua lapisan masyarakat tentang kepentingan statistik dalam penggubalan dasar Kerajaan demi mendepani cabaran ekonomi global untuk kemaslahatan rakyat. Selain itu, HSN disambut bagi mengiktiraf profesionalisme ahli statistik di Malaysia.

## OBJEKTIF HSN

- Meningkatkan kepentingan statistik sebagai asas (*central*) kemakmuran kehidupan bermasyarakat dan Negara
- Meningkatkan kesedaran dan kefahaman dalam kalangan komuniti tentang kepentingan statistik kepada Negara
- Memperkukuhkan lagi kerjasama dengan pihak berkepentingan khususnya bagi proses pengumpulan data Jabatan
- Mengiktiraf sumbangan ahli statistik di Malaysia, terutama dalam pengurusan statistik rasmi berdasarkan kepada asas-asas perkhidmatan, integriti dan profesionalisme
- Mempromosikan aktiviti-aktiviti DOSM semasa Hari Statistik Negara

## OBJEKTIF HSN

Bagi memeriahkan sambutan HSN pada kali ini, pelbagai program dan aktiviti telahpun dirancang bersama-sama rakan strategik DOSM iaitu Majlis Daerah Sabak Bernam, Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI), Kerajaan Negeri Selangor dan Jabatan Penerangan Malaysia. Majlis Sambutan HSN 2023 turut diadakan "*Kick-Off*" Portal Banci Pertanian 2024 dan pelancaran lagu "Gemilang". Antara aktiviti yang dianjurkan sepanjang sambutan HSN ini adalah pertandingan debat statistik, wawancara statistik, jualan industri kecil dan sederhana, Jualan Ehsan RAHMAH, sesi literasi statistik, himpunan motor klasik, pertandingan suara emas, rewang kenduri kesyukuran, lawatan ke ladang, perlawanan bola sepak, larian D' Bendang, permainan sukan rakyat di sawah, kuiz statistik, pentas kebudayaan setempat dan cabaran *aerobicthon*.






# AKTIVITI YANG DIJALANKAN SEPANJANG HSN 2023

## Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat Sempena Hari Statistik Negara

Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat di Masjid Jamek Makmuriah, Sungai Besar pada 19 Oktober 2023.





## Larian Amal HSN 20.10KM

Larian Amal Hari Statistik Negara dijalankan di Sungai Haji Dorani, Sungai Besar pada 20 Oktober 2023 yang turut disertai oleh penduduk setempat dan warga DOSM.





## Pameran daripada Agensi Kerajaan

Pameran Agensi sempena Hari Statistik Negara 2023 bertempat di perkarangan Stadium Sungai Besar telah melibatkan pelbagai agensi yang terdiri daripada Jabatan Perikanan Malaysia, FAMA Negeri Selangor dan lain-lain.





## Perlawanan Persahabatan Bola Sepak: DOSM Selangor FC vs Pilihan Sabak Bernam

Perlawanan persahabatan bola sepak ini telah diadakan pada 20 Oktober 2023 bertempat di Stadium Sungai Besar, Sabak Bernam.





## Sesi Literasi Statistik dan Sesi Wawancara bersama Yang Dipertua (YDP) Sabak Bernam

Perkongsian pelaksanaan Banci Pertanian 2024 dan Penemuan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 oleh Puan Siti Asiah binti Ahmad, Pengarah Kanan, BPHPP bertempat di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, Sabak Bernam. Program ini diadakan bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan statistik dalam kehidupan kita seharian. Program ini telah dihadiri oleh pelajar sekolah dan komuniti setempat.








Sesi Wawancara bersama Tuan Azman bin Dahlan, Yang Dipertua, Majlis Daerah Sabak Bernam diadakan di Perbadanan Perpustakaan Sabak Bernam (PPAS). Diantara kandungan wawancara ini tidak lain membincangkan latar belakang daerah Sabak Bernam dan statistik penduduk, manfaat pertubuhan Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDNgW), bantuan-bantuan pertanian dan juga kaedah pengurusan dan pengumpulan data daerah Sabak Bernam.




## Persembahan Pentarama dan DOSM *Talent*

Acara ini diadakan pada malam pembukaan Hari Statistik Negara pada 20 Oktober 2023 di pekarangan Stadium Sungai Besar, Sabak Bernam.








## Jualan Ehsan Rahmah

Jualan Ehsan Rahmah juga turut diadakan dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dalam usaha membantu komuniti setempat dengan menjual barangan keperluan pada harga yang murah dan berpatutan. Turut berlangsung di Dataran Stadium Sungai Besar ialah Jualan Industri Kecil dan Sederhana (IKS), pameran oleh Agensi Kerajaan dan Swasta, Mini Zoo, Soopa Doopa dan banyak lagi.







## Program Merewang dan Gotong-Royong Membersihkan Kubur

Program merewang dan gotong-royong membersihkan kubur serta majlis tahlil dan doa selamat dengan kerjasama Penghulu Bagan Nakhoda Omar dan semua Ketua Kampung kedua Mukim. Program ini diadakan di Masjid Jamek Mahmudiah, Kampung Bharu, Sabak Bernam, Selangor.






## Forum Perdana Ehwal Islam

Penganjuran Forum Perdana Ehwal Islam (FPEI) 2023 secara rakaman di Auditorium JAKIM, Kompleks JAKIM, Putrajaya dengan kerjasama strategik bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) menampilkan barisan panel agamawan yang mantap iaitu Prof. Madya Dato' Dr. Haji Farid Ravi Abdullah, Naib Canselor, Universiti Islam Selangor (UIS) dan Prof. Madya Dr. Nik Salida Nik Salleh, Dekan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) manakala Ustaz Mohd Hariri Mohamad Daud bertindak sebagai moderator.





FPEI 2023 bertemakan "Hijau Bumi Tuhan" bersempena hebahan dan promosi mengenai Banci Pertanian yang akan dilaksanakan pada tahun 2024 telah memperjelaskan berkaitan statistik yang memainkan peranan penting dalam kehidupan seorang petani.

## Pertandingan Debat Statistik Antara Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) 2023 Siri Ke-2

Pertandingan Debat Statistik IPT 2023 Siri Ke-2 dengan tema 'Pasaran Buruh' anjuran DOSM dengan kerjasama Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM) telah berlangsung dari 6 hingga 8 Oktober di Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM), Sungkai, Perak, untuk peringkat saringan dan separuh akhir, dan pada 20 Oktober 2023 di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), Sabak Bernam, untuk peringkat akhir. Dalam pertandingan yang disertai oleh 14 IPT, Universiti Sains Malaysia (USM) dinobatkan sebagai Johan dengan hadiah wang tunai sebanyak RM3,000 beserta piala, dan sijil, manakala Universiti Teknologi MARA (UiTM) meraih tempat Naib Johan. Pendebat Terbaik Keseluruhan disandang oleh Nur Syahirah Balqis Shahrulnizam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), sementara Pendebat Terbaik Peringkat Akhir jatuh kepada Muhammad Alif Izzudin dari UiTM.







## Larian D'Bendang dan Permainan Sukan Rakyat

Larian D'Bendang merupakan acara pembuka tirai hari kedua di Sabak Bernam, Selangor. Larian bendang ini diadakan di Parit 2, Kampung Haji Dorani. Program ini dimeriahkan dengan kehadiran penduduk setempat serta 300 penyertaan daripada Komuniti dan Warga DOSM.






## Persembahan Kebudayaan

Pentas seni setempat berlangsung pada sebelah malam di Pentas Utama, Stadium Selangor Sabak Bernam. Aktiviti yang diadakan antaranya ialah seni mempertahankan diri, nyanyian lagu-lagu P.Ramlee dan banyak lagi.





## Pertandingan Suara Emas sempena Hari Statistik Negara

Pertandingan Karaoke HSN Suara Emas di pekarangan Stadium Sungai Besar pada sebelah petang. Program ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran Ketua Perangkawan Malaysia dan komuniti setempat.






## Pertandingan Bola Sepak Piala Ketua Perangkawan

Kejohanan Bola Sepak bawah 10 tahun dan 12 tahun Piala Ketua Perangkawan Malaysia bertempat di Padang Bola Stadium Sungai Besar, Sabak Bernam. Ibu bapa dan ahli keluarga turut hadir memeriahkan suasana kejohanan tersebut.






## FitDOSM, Senam Seni dan Zumbathon

Program *Aerobicthon Challenge* membuka tirai hari terakhir HSN 2023. *Aerobicthon Challenge* berlangsung di pekarangan Stadium Sungai Besar, Sabak Bernam, Selangor dan bertemakan “Barbie”serta menawarkan hadiah yang lumayan kepada pemenang.







## Lawatan ke ladang MeloSel dan Mulberi

Lawatan ke ladang Melosel di MZ Agro Farm, Tebuk Pulai, Sabak Bernam, Selangor dan Ladang Mulberi di Sungai Panjang, Sungai Besar, Selangor. Lawatan ini melibatkan 40 orang penyertaan yang terdiri daripada Pengurusan Tertinggi, Pengarah Bahagian dan Pengarah DOSM Negeri.





## Himpunan Motor Klasik

Himpunan Motor Klasik juga turut berlangsung di pekarangan Stadium Sungai Besar, Sabak Bernam, Selangor sejurus selepas Majlis Penutup. Pelbagai aksi-aksi yang dipertontonkan kepada para penonton.





# PERSIDANGAN STATISTIK MALAYSIA KE-10 (MySTATS) 2023

**Persidangan Statistik Malaysia (MyStats) ke-10, 2023** telah berlangsung pada **26 September 2023** dengan tema **"Merentasi Sempadan KDNK: Ke Arah Kesejahteraan Sosial dan Kelestarian Alam Sekitar"** atau **"*Looking Beyond GDP: Towards Social Well-Being and Environmental Sustainability*"**. Tema ini sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) serta konsep Malaysia MADANI yang menekankan kesejahteraan ekonomi dan sosial, kelestarian alam sekitar, serta kemampanan mutu hidup yang seimbang.

Persidangan ini dianjurkan secara bersama oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Bank Negara Malaysia (BNM), dan Institut Statistik Malaysia (ISMy). Ia bertujuan menyediakan platform bagi ahli statistik, penyelidik, ahli ekonomi, penggubal dasar, dan ahli akademik untuk mengetengahkan idea-idea baharu serta meningkatkan pemahaman sejagat dalam bidang statistik. Selain itu, ia berperanan dalam mewujudkan jalinan kerjasama dan rangkaian yang lebih erat, sekaligus meningkatkan keberkesanan analisis serta penggubalan dasar kerajaan berdasarkan fakta.

Persidangan dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Hajjah Hanifah Hajar Taib, Timbalan Menteri Ekonomi, dan turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia; Encik Fraziali Ismail, Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia; Profesor Dr. Habshah Midi, wakil Institut Statistik Malaysia, serta lebih daripada 1,000 peserta. Kehadiran ini terdiri daripada ahli statistik, ahli akademik, dan penyelidik dari pelbagai agensi secara fizikal dan maya.











# PERSIDANGAN

Program Persidangan dibahagi kepada tiga sesi iaitu sesi plenari, forum dan selari (*parallel*). Sesi plenari diisi dengan ucaptama oleh Datuk Dr. Richard Leete, *Director of HRH Sultan Nazrin Shah's Economic History of Malaya Project* dengan tajuk *Looking Beyond GDP: Towards Social Well-Being and Environmental Sustainability* yang bertujuan untuk merungkai isu-isu yang berkaitan dengan aspek pembangunan Malaysia Mampan dalam menghadapi cabaran kesejahteraan sosial dan penjagaan alam sekitar dan seterusnya mengenal pasti jurang maklumat untuk menghasilkan petunjuk baharu ke arah pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan saksama. Sesi forum pula, dibahagikan kepada dua bahagian yang menampilkan empat panel jemputan bagi setiap sesi dan moderator. Moderator sesi pertama ialah Prof. Emeritus Datuk Dr. Norma Mansor, *Director of Social Wellbeing Research Centre* (SWRC), Universiti Malaya manakala moderator untuk sesi kedua pula ialah Puan Ong Li Ming, *Director of Data Management and Statistics Department*, BNM. Disamping itu, terdapat 24 pembentangan kertas saintifik secara lisan dan 15 pembentangan poster saintifik telah dibentangkan semasa sesi selari mengikut beberapa sub-tema yang telah ditetapkan iaitu:

- *Salaries and wages*
- *Occupational Safety and Health*
- *Statistical Communication*
- *Advancing Environmentally Sustainable Growth: A Statistical Narrative*
- *Statistical Innovation in Measuring Social Well-being and Sustainable Growth*
- *Transition to Sustainable Economy: Malaysia's Journey So Far*
- *New Statistical Approach and Innovation to Measure Social Well-being and Sustainable Growth*
- *Beyond GDP: Advancing Societal Well-being, Inclusive Growth & Achieving Shared Prosperity*
- *Sustainable Future: Green Cities, Urban Well-being and Environment Factors in Development Planning*
- *Using Geospatial Data for Sustainability Analysis*

| Sesi | Tajuk | Moderator | Panel |
|---|---|---|---|
| Forum 1 | ***Building a Better Malaysia: Breaking Barriers in Social Well-Being and Environmental Sustainability*** | **Prof. Emeritus Datuk Dr. Norma Mansor**<br>Pengarah Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial (SWRC), Universiti Malaya | 1. **Dr. Fatimah Ahamad**<br>Ketua Saintis,<br>Pusat Kesihatan Planet Sunway, Universiti Sunway<br>2. **Dr. Richard Marshall**<br>Pakar Ekonomi Kanan,<br>Pejabat Penyelaras Residen PBB untuk Malaysia<br>3. **Prof. Dr. Ahmad Zaharin Aris**<br>Pengarah, Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik, Universiti Putra Malaysia |
| Forum 2 | ***Bridging Data Gap to Foster Climate Change Resilience*** | **Puan Ong Li Ming**<br>Pengarah Jabatan Pengurusan Data dan Statistik, BNM | 1. **Puan Norhasliza Mohd Mokhtar**<br>Pengarah Kanan,<br>Majlis Tindakan Iklim,<br>Perbadanan Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia (MGTC)<br>2. **Dr. Renard Siew**<br>Ketua Kelestraian Korporat,<br>Yinson Holdings Berhad<br>3. **Encik Yin Shao Loong**<br>Timbalan Pengarah Penyelidikan,<br>Institut Penyelidikan Khazanah |








# SESI SELARI (*PARALLEL SESSION*)

| Sesi | Moderator | Sub-tema | Pembentang |
|---|---|---|---|
| Sesi Selari 1 (a) | Dr. Noratikah Abu | ***Advancing Environmentally Sustainable Growth: A Statistical Narrative*** | 1. ***Dependence and Sustainability: A Disaggregated Analysis of Electricity Generation in ASEAN Countries***<br>Encik Muhammad Luqman Iskandar<br>2. **Analisis Risiko Pencemaran Udara Ekstrem di Klang, Malaysia: Pendekatan Kopula-Vain**<br>Dr. Mohd. Sabri bin Ismail<br>3. ***Statistical Comparison of SPE – 1 Month and SPEI – 3 Month: Enhancing Consistency in Drought Assessment***<br>Puan Halimatun Sa'adiah Md Salehan |
| Sesi Selari 1 (b) | Cik Ili Sarah Aspar | ***Using Geospatial Data for Sustainability Analysis*** | 1. ***Public Urban Green Spaces Provision in Kuala Lumpur: Is Each Area Treated Equal?***<br>Puan Chai Hsin Yi<br>2. ***Overview on the Factors Influencing Rising Land Surface Temperature (LST)***<br>Encik Faidhi Hakim bin Mohd Nordin<br>3. ***Unemployment Rate in Selected Asian Countries: A Spatial Panel Data Analysis***<br>Encik Lim Bao Man |
| Sesi Selari 1 (c) | Puan Nur Fazila Mat Salleh | ***Beyond GDP: Advancing Social Well-being, Inclusive Growth and Achieving Shared Prosperity*** | 1. **Kajian Keberkesanan Program Sambutan Minggu Perpaduan 2023**<br>Encik Mohammad Abdul Hamid<br>2. ***Interregional Graduate Migration and Knowledge Flow Across States in Malaysia***<br>Dr. Diana Abdul Wahab<br>3. **Kajian Ringkas Kecenderungan Laluan Kerjaya Pelajar Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) 2023**<br>Cik Nur Syasya Etika Muhammad Pisol |
| Sesi Selari 1 (d) | Encik Wan Mohd Shahrulnizam Wan Mohd Najuri | ***Occupational Safety and Health*** | 1. ***A Systematic Literature Review of Safety Risk Management in Engineering Laboratories***<br>Puan Zuraida Kamaruddin<br>2. **Profil Kepatuhan Pengendali Pengangkutan Awam dan Perdagangan di Malaysia Terhadap Kod Amalan Industri Untuk Keselamatan Pengangkutan**<br>Puan Wahida Ameer Batcha<br>3. **Kajian Penentuan Risiko Ergonomik bagi Pengendalian Video Display Unit (VDU) di Sektor Kewangan**<br>Puan Fauziah Kamaruddin |
| Sesi Selari 2 (a) | Puan Nur Fazila Mat Salleh | ***Statistical Communication*** | 1. ***To Study the Impact of Minimum Wage Policy on Wage Inequality in Malaysia using Administrative Data***<br>Puan Nurin Nasuha Hussain<br>2. ***Generalized M-Estimator based on RFID as a Remedy of Vertical Outliers and High Leverage Points***<br>Prof. Dr. Habshah Midi<br>3. ***Building a Climate Data Catalogue – Malaysia's Experience***<br>Encik Saiful Anuar Mohd Husin |

| Sesi | Moderator | Sub-tema | Pembentang |
|---|---|---|---|
| Sesi Selari 2 (b) | Puan Shafizaermawaty Shafei | ***Statistical Communication Statistical Innovation in Measuring Social Well-being and Sustainable Growth 1*** | 1. **Kajian Ringkas Pemprofilan Pekerja P-Hailing di Malaysia 2022**<br>Dr. Norshamsida Razak<br>2. ***Identifying the Profile of Scam Victim: Unveiling Vulnerabilities behind Personalities***<br>Encik Muhammad Aqil Mustafa<br>3. ***Feasibility, Usability and Cost of Conventional Versus Single-Use Biodegradable Meal Trays: A Pilot Study in Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar***<br>Dr. Mohd Azri Mohd Suan |
| Sesi Selari 2 (c) | Cik Ili Sarah Aspar | ***Statistical Innovation in Measuring Social Well-being and Sustainable Growth 2*** | 1. **Pembangunan Instrumen IHI (Industrial Harmony Index) Bagi Mengukur Tahap Keharmonian Perusahaan di Malaysia**<br>Puan Azma Abdul Rahman<br>2. ***Min-Max Scaling: New Statistical Approach to Measure***<br>Puan Nur Alham Othman<br>3. ***Feeding the Obesity Epidemic: The Role of The Obesogenic Food Environment***<br>Dr. Noor Hashimah Hashim Lim |
| Sesi Selari 2 (d) | Dr. Nur Anisah Momahed @ A. Rahman | ***Transition to Sustainable Economy: Malaysia's Journey So Far*** | 1. ***Early Signals on Economic Direction Prior to GDP***<br>Encik Mohd Afzainizam Abdullah<br>2. ***Inflation Persistence in Malaysia: An Empirical Measure and Analysis***<br>Puan Chow Zi Yun<br>3. ***Malaysia's Maritime Transport Sector Impacts on Economy: An Input-Output Analysis***<br>Encik Muhammad Khalid Ahmad Kamal |





















# *LIVE PITCHING MALAYSIA DATA INNOVATION TALENT X DOSM DATATHON 2023* (MDIT X DD 2023)

Pertandingan *Malaysia Data Innovation Talent X DOSM Datathon 2023* (MDIT X DD 2023) telah dirasmikan oleh YBrs. Prof. Ts. Dr. Haryani Haron, Penolong Naib Canselor, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik, dan Matematik, Universiti Teknologi MARA (UiTM). MDIT X DD 2023 dianjurkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) bersempena Sambutan Hari Statistik Negara Tahun 2023 dan Persidangan MyStats 2023. MDIT X DD 2023 merupakan satu pertandingan bertaraf Kebangsaaan untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang kepentingan inovasi dan analisis data.

Majlis Pelancaran MDIT X DD 2023 diadakan pada 16 Jun 2023 dan berakhir pada 26 September 2023 di Majlis Penutup di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia bersekali dengan Majlis Penutup Persidangan Statistik Malaysia Ke-10 (MySTATS) 2023. MDIT X DD 2023 terbuka kepada semua pelajar peringkat diploma dan ijazah sarjana muda di seluruh Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Melalui penganjuran pertandingan ini peserta akan menghasilkan papan pemuka (*dashboard*) berdasarkan data kasar (*raw data*) yang diperoleh.

Antara objektif program ini adalah:

- Membuka minda para peserta khususnya golongan mahasiswa agar berfikiran secara lebih kritis terhadap kajian data.
- Melahirkan para peserta yang dapat menganalisis data yang diterima dengan tepat dan telus.
- Menambah baik kemahiran kepimpinan dalam kalangan peserta seiring meningkatkan kebolehpasaran graduan Malaysia.
- Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran berkenaan Matlamat Pembangunan Mampan/ *Sustainable Development Goals* (SDG).


















## Majlis Pelancaran *Regional Tourism Satellite Account* (RTSA) Sabah 2022

Majlis Pelancaran *Regional Tourism Satellite Account* (RTSA) Sabah 2022 telah diadakan pada 21 Disember 2023 bertempat di Kota Kinabalu, Sabah. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Joniston Bangkuai, Pembantu Menteri mewakili Menteri Pelancongan, Kebudayaan & Alam Sekitar Sabah, dan turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia.

RTSA Sabah 2022 dibangunkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Kebudayaan & Alam Sekitar Sabah (KePKAS) dan Lembaga Pelancongan Sabah (LPS). RTSA Sabah 2022 menyediakan statistik bagi mengukur perkembangan industri pelancongan dan sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Sabah. Statistik ini boleh membantu agensi kerajaan, ahli ekonomi, ahli akademik serta individu bagi tujuan membuat perancangan dan penggubalan dasar, analisis ekonomi dan unjuran serta dapat membantu merancang pembangunan perniagaan, khususnya industri pelancongan.








## Pelancaran Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal)

Majlis Pelancaran Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal) Suku Tahun Pertama 2023 ini telah dianjurkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia di bawah tanggungjawab *Malaysian Bureau of Labour Statistics* pada 8 Ogos 2023, Jumaat bertempat di Dewan Anggerik, Aras 2, Blok C6, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Majlis dirasmikan oleh YB Rafizi Ramli, Menteri Ekonomi, diiringi tetamu kehormat YBhg. Dato' Nor Azmie Diron, Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi dan YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia. Semasa majlis pelancaran Ketua Perangkawan Malaysia membentangkan penemuan Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal) Suku Tahun Pertama 2023. Majlis selesai sejurus selepas sidang media.















## Kajian Liputan Data Penduduk Bukan Warganegara: Kajian Kes Di Sabah

Kajian Liputan Data Penduduk Bukan Warganegara di negeri Sabah dilaksanakan pada 13 hingga 16 Jun 2023 dan melibatkan Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi, DOSM, DOSM Sabah, Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri & Penyelidikan, Jabatan Ketua Menteri Sabah, Majlis Keselamatan Negara (MKN) Sabah, JIM Sabah serta agensi-agensi berkaitan di Sabah. Objektif kajian ini dilaksanakan adalah untuk:

- Mendapatkan pemahaman lanjut berkaitan maklumat bukan warganegara di Sabah terutama berkaitan kategori pas dan sijil;
- Membincangkan berkaitan perkara-perkara yang berbangkit di Sabah seperti stateless dan sebagainya;
- Mendapatkan pandangan daripada SUK Negeri Sabah bagi tujuan unjuran penduduk di Sabah; dan
- Mendapatkan kerjasama strategik antara DOSM dan SUK Sabah dan agensi-agensi berkaitan.

Kajian ini terbahagi kepada dua sesi iaitu mesyuarat bersama agensi-agensi dan kerja lapangan (tinjauan) di penempatan dan kampung terpilih di Kota Kinabalu, Sabah.











# KELUARAN STATISTIK BAHARU 2023

## PENERBITAN BAHARU 2023

### Banci Malaysia 2020: Kesejahteraan Penduduk (Kecergasan)

Penerbitan Banci Malaysia 2020: Kesejahteraan Penduduk (Kecergasan) ini mengeluarkan statistik mengenai penglibatan rakyat Malaysia (berumur 10 tahun dan lebih) dalam aktiviti sukan dan senaman sepanjang tahun 2020 berdasarkan soalan aktiviti sukan dan senaman yang biasa dilakukan oleh individu. Statistik terperinci dipaparkan mengikut profil demografi iaitu jantina, kumpulan umur dan kumpulan etnik serta mengikut jenis aktiviti sukan dan senaman di peringkat daerah pentadbiran dan negeri. Aktiviti sukan dan senaman adalah termasuk brisk walking, berlari, rekreasi, berbasikal, berenang, aktiviti gimnasium, zumba/ aerobik, taichi/ yoga, e-sukan, sukan lasak dan lain-lain.




### Ketidaksamaratataan Pendapatan Malaysia, 2022




Ketidaksamaratataan Pendapatan, Malaysia 2022 membentangkan statistik mengenai ketidaksamaratataan pendapatan menggunakan data yang diperoleh daripada Survei Pendapatan Isi Rumah. Statistik ketidaksamaratataan pendapatan yang diterbitkan dalam laporan ini adalah berdasarkan konsep dan garis panduan daripada *Canberra Group Handbook on Household Income Statistics, Second Edition, 2011* yang diterbitkan oleh United Nations. Laporan ini mengandungi empat bahagian utama. Bahagian pertama memaparkan penemuan utama ketidaksamaratataan pendapatan di Malaysia berdasarkan indikator terpilih. Bahagian kedua mendedahkan ketidaksamaratataan global dengan membandingkan nilai ketidaksamaratataan di Malaysia dengan negara terpilih. Jadual statistik terperinci disediakan di bahagian ketiga. Sementara itu, bahagian terakhir menerangkan aspek teknikal seperti konsep, definisi dan metodologi bagi memudahkan pengguna memahami statistik yang diterbitkan.

## Kemiskinan di Malaysia, 2022

Kemiskinan di Malaysia, 2022 membentangkan statistik mengenai kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif serta siri masa insiden kemiskinan di Malaysia. Statistik berkaitan kemiskinan yang diterbitkan dalam laporan ini berdasarkan konsep dan garis panduan daripada *Handbook on Poverty Statistics: Concepts, Methods and Policy Use, 2005* yang diterbitkan oleh United Nations. Penerbitan ini mengandungi tiga bahagian utama. Bahagian pertama memaparkan konsep dan definisi kemiskinan, kemiskinan di Malaysia serta kemiskinan antarabangsa. Bahagian kedua pula menunjukkan statistik terpilih berkaitan Pendapatan Garis Kemiskinan dan insiden kemiskinan yang merangkumi kemiskinan mutlak, tegar dan relatif. Sementara itu, bahagian ketiga menerangkan aspek teknikal seperti konsep dan definisi bagi memudahkan pengguna memahami statistik yang diterbitkan.




## Intisari Pendapatan Perbelanjaan Kemiskinan Ketaksamarataan, 2022




Intisari Pendapatan Perbelanjaan Kemiskinan Ketidaksamarataan, 2022 memperihalkan dapatan daripada Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah tahun 2022. Statistik Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah yang diterbitkan dalam laporan ini adalah berdasarkan konsep dan garis panduan daripada *Canberra Group Handbook on Household Income Statistics, Second Edition, 2011* yang diterbitkan oleh United Nations. Laporan ini memberikan gambaran menyeluruh tentang dapatan survei terkini yang dikeluarkan mengikut segmen berikut: Pendapatan, Perbelanjaan, Kemiskinan dan Ketidaksamarataan. Sementara itu, Indikator sosioekonomi di Malaysia serta prestasi dan *outcome* terpilih turut disediakan sebagai maklumat tambahan.

## Anggaran Penduduk Semasa mengikut Daerah Pentadbiran, 2023

Penerbitan Anggaran Penduduk Semasa mengikut Daerah Pentadbiran, 2023 telah diterbitkan pada 29 Ogos 2023. Penerbitan ini memuatkan statistik di 156 daerah pentadbiran/ jajahan meliputi penduduk, etnik, jantina, umur, bilangan isi rumah, purata saiz isi rumah dan bilangan tempat kediaman.



## Laporan Survei Kemudahan Asas, 2022




Laporan Survei Kemudahan Asas diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang membentangkan statistik kemudahan asas seperti pendidikan, kesihatan, perumahan dan peralatan yang dimiliki oleh isi rumah. Statistik yang diterbitkan dalam laporan ini adalah berdasarkan dapatan daripada pelaksanaan Survei Pendapatan, Perbelanjaan dan Kemudahan Asas. Objektif utama survei adalah untuk mengenal pasti capaian kemudahan asas seperti pendidikan, kesihatan, perumahan dan peralatan yang dimiliki oleh isi rumah. Antara maklumat yang dikumpulkan melalui survei kemudahan asas ini adalah pemilikan rumah, kemudahan capaian bekalan elektrik dan air serta kemudahan kutipan sampah. Selain daripada itu, maklumat mengenai capaian kepada perkhidmatan pendidikan dan kesihatan serta peralatan & kemudahan isi rumah turut diliputi. Maklumat kemudahan asas ini turut dijadikan sumber data utama dalam pengukuran kemiskinan menggunakan kaedah Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI).

## Analisis Indeks Harga Pengeluar, Malaysia, 2022

Analisis Indeks Harga Pengeluar tahunan memaparkan statistik tahunan bagi dua statistik iaitu Indeks Harga Pengeluar (IHPR) pengeluaran tempatan dan Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPRP). IHPR merupakan indeks berasaskan output yang mengukur perubahan harga komoditi untuk jualan pasaran tempatan pada harga kilang. Manakala IHPRP pula mengukur purata perubahan harga yang dikenakan oleh industri perkhidmatan tempatan di Malaysia.




## Laporan Survei Kemudahan Asas, 2022




Laporan Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (MHDI) 2022 merupakan penerbitan yang julung kali dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Indeks ini mengukur tahap pembangunan manusia yang merupakan kriteria utama dalam mengukur kemajuan sesebuah negara selain daripada aspek ekonomi. MHDI meliputi tiga dimensi iaitu umur yang panjang dan kehidupan yang sihat; akses kepada pengetahuan dan taraf hidup yang baik. Indeks ini dibangunkan berdasarkan Laporan *Human Development Index* (HDI), *United Nations Development Programme* (UNDP). Penerbitan ini terbahagi kepada lima bahagian. Bahagian pertama memaparkan infografik, diikuti bahagian kedua memperihalkan ringkasan penemuan. Bahagian ketiga pula memaparkan statistik utama warganegara di peringkat Malaysia dan negeri. Seterusnya, diikuti dengan statistik bagi warganegara dan bukan warganegara di bahagian keempat. Bahagian kelima mengandungi nota teknikal untuk menerangkan konsep, sumber data, metodologi dan penerangan bagi setiap indikator untuk membantu pengguna memahami statistik yang diterbitkan dalam penerbitan ini.

## Akaun Ekonomi Negara Malaysia, 2022

Penerbitan Akaun Ekonomi Negara Malaysia yang sebelum ini dikenali sebagai Akaun Pengagihan & Penggunaan Pendapatan dan Akaun Modal menyediakan gambaran keseluruhan indikator makroekonomi yang komprehensif meliputi pendapatan, tabungan, pelaburan dan pemberian/ penerimaan pinjaman bersih bagi setiap sektor institusi dalam sesebuah ekonomi. Penyusunan Akaun Ekonomi Negara Malaysia merujuk kepada rangka kerja Sistem Akaun Negara 2008 (SNA 2008) yang merangkumi akaun semasa, akaun pengumpulan dan kunci kira-kira. Penerbitan ini membentangkan Akaun Ekonomi Negara Malaysia yang tertumpu kepada akaun semasa dan akaun pengumpulan pada harga semasa. Akaun semasa merangkumi lima akaun utama iaitu pengeluaran, penjanaan pendapatan, pendapatan primer, pendapatan sekunder dan penggunaan pendapatan. Akaun pengumpulan pula terdiri daripada tiga akaun utama iaitu modal, kewangan dan perubahan lain aset yang mana penerbitan ini adalah tertumpu kepada akaun modal sahaja.




## Akaun Satelit Pelancongan Wilayah (ASPW) Sabah, 2022




Akaun Satelit Pelancongan Wilayah (ASPW) Sabah adalah penyusunan statistik untuk mengukur perkembangan industri pelancongan dan sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar Sabah dan mengintegrasikan produk dan industri berkaitan pelancongan.

## Statistik Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan

Penerbitan ini memaparkan statistik kapasiti penggunaan bagi sektor pembuatan di Malaysia yang diterbitkan secara suku tahunan mulai Suku Pertama 2023. Statistik ini disusun mulai Januari 2015 yang memberikan indikator tambahan kepada pengguna dalam menilai prestasi sektor Pembuatan di Malaysia. Konsep yang digunakan dalam penyusunan ini adalah berpandukan kepada *International Recommendations for Industrial Statistics 2008*, *United Nations Statistics Division* manakala definisi Pembuatan adalah selari dengan *Malaysia Standard Industrial Classification* (MSIC) 2008 Ver. 1.0. Statistik ini juga boleh digunakan sebagai sumber rujukan oleh kerajaan, ahli ekonomi, ahli akademik, pihak swasta serta individu bagi tujuan perancangan dan penggubalan dasar, analisis ekonomi, unjuran dan membantu dalam perancangan pembangunan perniagaan.



## Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal)




Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal) adalah bersumberkan data pentadbiran, dengan tumpuan kepada pekerja warganegara dalam sektor formal di Malaysia. Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal) Suku Tahunan menyediakan statistik upah pekerja warganegara Malaysia mengikut ciri-ciri demografi dan sosioekonomi antaranya jantina, etnik, kumpulan umur, aktiviti ekonomi dan negeri.

## Statistik Perlombongan Petroleum dan Gas Asli

Penerbitan ini mengandungi statistik pengeluaran, jualan, harga, eksport dan import berkaitan minyak mentah & kondensat dan gas asli. Selain itu, indikator makroekonomi yang merangkumi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Indeks Harga Pengeluar (IHPR) serta statistik guna tenaga dan produktiviti buruh turut dilaporkan dalam penerbitan ini. Penerbitan ini mengandungi statistik pengeluaran, jualan, harga, eksport dan import berkaitan minyak mentah & kondensat dan gas asli. Selain itu, indikator makroekonomi yang merangkumi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Indeks Harga Pengeluar (IHPR) serta statistik guna tenaga dan produktiviti buruh turut dilaporkan dalam penerbitan ini.




## Anggaran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Awalan




Penerbitan Anggaran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Awalan membentangkan anggaran awalan KDNK suku tahunan untuk memberikan petunjuk awal prestasi ekonomi. Penerbitan Anggaran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Awalan membentangkan anggaran awalan KDNK suku tahunan untuk memberikan petunjuk awal prestasi ekonomi.

# LAPORAN KAJIAN 2023

## Kajian Diaspora Malaysia di Brunei Darussalam

Kajian Diaspora Malaysia di Brunei Darussalam dilaksanakan bagi mendapatkan profil rakyat Malaysia yang berada di Brunei sama ada untuk tujuan pekerjaan atau tujuan lain. Kajian ini dijalankan sebagai kesinambungan daripada kajian sebelumnya mengenai diaspora Malaysia di Singapura yang telah dijalankan pada tahun 2016, 2018 dan 2022. Pemilihan Brunei sebagai negara kajian pada tahun 2024 adalah berasaskan laporan UN DESA 2020 yang menyatakan bahawa Brunei merupakan antara negara destinasi tumpuan diaspora Malaysia. Brunei juga merupakan antara negara pilihan graduan Malaysia untuk bekerja berdasarkan data Pengesanan Graduan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi bagi tahun 2018 hingga 2021. Kajian ini telah dilaksanakan pada 1 Januari 2023 dan selesai pada 31 Disember 2023. Buku laporan Kajian Diaspora Malaysia Di Brunei Darussalam ini telah dilancarkan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Bin Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia pada 19 Februari 2024.




## Kajian Penggajian Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda dalam Filem dan Drama di Semenanjung Malaysia




Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) telah melaksanakan Kajian Penggajian Pelakon Kanak-kanak dan Orang Muda dalam Filem dan Drama di Semenanjung Malaysia pada 8 Februari 2023 dan selesai pada 31 Disember 2023. Kajian ini memfokuskan kepada tiga (3) objektif utama iaitu menyediakan profil asas syarikat yang menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda di Semenanjung Malaysia, mengenal pasti isu dan mengemukakan rekomendasi yang berkaitan perundangan perburuhan dan perlindungan sosial bagi golongan pelakon kanak-kanak dan orang muda ini. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah *top-down* dan *bottom-up*. Data dan maklumat bagi kajian ini diperoleh melalui edaran soal selidik dalam talian dan sesi temu ramah yang dilakukan secara perbincangan kumpulan berfokus (FGD) dan *in-depth interview* (IDI). Kajian ini telah mencadangkan kaedah terbaik yang boleh dilaksanakan dalam menangani isu-isu yang melibatkan perundangan perburuhan dan perlindungan sosial kanak-kanak dan orang muda dalam aktiviti perfileman dan drama. Buku Laporan Kajian ini telah dilancarkan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Bin Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia pada 19 Februari 2024.

# MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN KAPASITI

| | |
|---|---|
| Perjawatan | 066 |
| Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) | 067 |
| Kursus dan Program Latihan | 068 |
| Pengiktirafan dan Pencapaian Anggota DOSM | 070 |
| Lawatan Rasmi Ketua Perangkawan Malaysia | 074 |

04


SELAMAT
TAHUN BARU
2023


JABATAN PERANGK
MALAYSIA



# PERJAWATAN

## PERJAWATAN DAN KEANGGOTAAN

Pada tahun 2023 Jabatan Perangkaan Malaysia mempunyai **3,180 perjawatan** terdiri daripada **1,028 perjawatan** di Ibu Pejabat dan **2,152 perjawatan** di DOSM Negeri. Bilangan pengisian anggota di DOSM secara keseluruhannya sehingga 31 Disember 2023 adalah pada kadar **91.9%**.

| Bil | Skim Perkhidmatan | Gred Jawatan | Bilangan Perjawatan | Bilangan Pengisian | Peratusan Pengisian |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Kumpulan Pengurusan Tertinggi | JUSA | 11 | 11 | 100% |
| 2 | Kumpulan Pengurusan dan Profesional | 41 hingga 54 | 456 | 444 | 97.4% |
| 3 | Kumpulan Pelaksana (Kumpulan B) (Gred 29 hingga 40 dan setaraf) | 29 hingga 40 | 401 | 376 | 93.8% |
| 4 | Kumpulan Pelaksana (Kumpulan C) (Gred 19 hingga 28 dan setaraf) | 19 hingga 28 | 2,182 | 1,968 | 90.2% |
| 5 | Kumpulan Pelaksana (Kumpulan C) (Gred 1 hingga 18 dan setaraf) | 1 hingga 18 | 130 | 122 | 93.8% |
| | Jumlah | | 3,180 | 2,921 | 91.9% |

**3,180**
Jumlah Perjawatan

**2,921**
Jumlah Pengisian

**91.9%**
Peratusan Pengisian

## BILANGAN DAN KADER PENGISIAN ANGGOTA MENGIKUT JANTINA

### Perjawatan Kader

Sejumlah **244 perjawatan kader** telah diwujudkan di Kementerian, Agensi dan Jabatan iaitu sebanyak **222 jawatan (91%)** telah diisi. Penempatan ini adalah berdasarkan waran perjawatan dan kelulusan daripada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam yang dipohon daripada agensi masing-masing.

### Bilangan dan Kader Pengisian Anggota DOSM mengikut jantina

| Bil | Kumpulan Perkhidmatan | Jantina | |
|---|---|---|---|
| | | Lelaki | Perempuan |
| 1 | Pengurusan Tertinggi | 4 | 7 |
| 2 | Pengurusan dan Profesional | 152 | 292 |
| 3 | Pelaksana | 1,040 | 1,427 |
| | JUMLAH | 1,196 (40.9%) | 1,725 (59.1%) |

# INSTITUT LATIHAN STATISTIK MALAYSIA (ILSM)



## VISI

**Institusi Pembangun Kompetensi Statistik yang Dinamik**

ILSM sebagai institusi latihan dalam bidang berkaitan statistik komited untuk menyediakan pakej pembelajaran yang menepati keperluan semasa. Institut beriltizam memantapkan kompetensi perkhidmatan statistik yang berpaksikan modal insan berpengetahuan tinggi.

## MISI

**Memperkasa modal insan ke arah penyampaian perkhidmatan statistik mutakhir dan andal**

Misi ILSM untuk memperkasa modal insan adalah berteraskan kepada pembangunan kemahiran dan pengetahuan personel. Pemantapan kompetensi anggota menjamin perkhidmatan statistik yang disampaikan adalah seiring dengan permintaan terkini dan andal.

## MOTO

**"Statistik Mencetus Minda Inovatif"**

## LATAR BELAKANG

Institut yang diilhamkan lebih 20 tahun lalu ini bermula pada tahun 1987 dengan penubuhan sebuah kumpulan kerja pembangunan sumber manusia bagi merancang pembangunan program latihan di Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Sejak ditubuhkan pada tahun 2011, institut ini telah menjadi nadi dan wadah kepada tradisi kecemerlangan warga DOSM. ILSM yang mula beroperasi pada tahun 2012 ini telah melaksanakan kursus pertama bagi Gred 17 dan Gred 27 pada 5 sehingga 7 Mac 2012. Iltizam ILSM adalah untuk terus komited dan kekal relevan sebagai sebuah institusi pembelajaran yang terunggul dalam bidang statistik.

# KURSUS DAN PROGRAM LATIHAN

## BILANGAN KURSUS DALAMAN ILSM PADA TAHUN 2023

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 29 kursus dalaman telah dilaksanakan secara bersemuka dan 2 kursus pula secara dalam talian. Perincian kategori kursus adalah seperti berikut :

| Bil | Kategori Kursus | Bilangan Kursus | Bilangan Peserta |
|---|---|---|---|
| 1 | *Functional* | 23 | 596 |
| 2 | Generik | 8 | 212 |
| | **Jumlah** | **31** | **808** |

| Nama Kursus | Tarikh |
|---|---|
| Kursus Mikroekonomi untuk Perangkawan | 14 - 16 Feb |
| Kursus Penyusunan Statistik Sosial dan Demografi | 14 - 16 Feb |
| Kursus Kod & Klasifikasi MSIC dan MCPA | 14 - 16 Feb |
| Kursus Pengendalian Stress | 21 - 23 Feb |
| Kursus Microsoft Excel -Penyediaan Laporan | 21 - 23 Feb |
| Kursus Pemahaman Soal Selidik Ekonomi Dan Pengoperasian | 7 - 9 Mac |
| Kursus Kaedah Pengumpulan Data Bagi Banci Dan Penyiasatan | 14 - 19 Mac |
| Kursus Prinsip Ekonomi (MySUL) *E-Learning* | 10 - 21 Apr |
| Kursus Pengenalan Kepada Penyiasatan dan Banci Ekonomi (MySUL) *E-Learning* | 10 - 21 Apr |
| Kursus Teknik Pensampelan | 9 - 11 Mei |
| Kursus Data Sains I - Asas | 16 - 18 Mei |
| Kursus Pengenalan Statistik Tenaga Buruh, Gaji & Upah Dan Sektor Informal | 16 - 18 Mei |
| Kursus Infografik | 23 - 25 Mei |
| Kursus Sains Data II - Pengurusan Data | 13 - 15 Jun |
| Kursus Penggunaan *Tools* Dalam Perisian ARCGIS | 13 - 15 Jun |
| Kursus Teknik Pensampelan | 13 - 15 Jun |
| Kursus Ekonometrik | 20 - 21 Jun |
| Kursus Pengenalan Kepada Demografi | 20 - 22 Jun |
| Kursus Kecerdasan Senaman & Kesihatan | 20 - 22 Jun |
| Kursus *Statistical Competencies Development Programme* (SCDP) E41 | 3 Jul – 29 Sept |
| Kursus Persaraan | 11 - 13 Jul |
| Kursus Keterampilan Diri Berhadapan Dengan Responden | 25 - 27 Jul |
| Kursus Sains Data III - Analisis Data | 25 - 27 Jul |
| Kursus *Automation Publication* | 15 – 17 Ogos |
| Kursus Penyeliaan Berkesan | 16 – 17 Ogos |
| Kursus *Statistical Competencies Development Programme* (SCDP) E19 | 4 – 17 Sept |
| Kursus Sains Data IV - Analisis Data Lanjutan | 12 - 14 Sept |
| Kursus Pengurusan Fail & Rekod | 17 - 19 Okt |
| Kursus *Executive Public Speaking and Presentation* | 24 - 26 Okt |
| Kursus Analisis Pendapatan Dan Perbelanjaan Isi Rumah | 6 - 8 Nov |
| Kursus Pemandu Berkualiti | 6 - 8 Nov |








Majlis Penutup
SCDP
2023


SCDP
2023




RUN




Majlis Penutup
SCDP
2023




TRAINING OF TRAINERS ToT
SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOAL
BPTMS


INSTITUT LATIHAN STATISTIK MALAYSIA
"Statistik Mencetus Minda Inovatif"


TRAINING OF TRAINERS ON QUALITY OF STATISTICS


ILSM







# PENGIKTIRAFAN DAN PENCAPAIAN ANGGOTA DOSM

## PENGANUGERAHAN PINGAT KEBESARAN



### Puan Hajjah Nazaria binti Baharudin

Timbalan Ketua Perangkawan (Program Sosial dan Pembangunan Teknikal), Gred Jusa B

Pejabat Timbalan Ketua Perangkawan (Program Sosial dan Pembangunan Teknikal), Jabatan Perangkaan Malaysia

**Darjah Johan Mangku Negara (J.M.N)**

Diterima pada 4 Julai 2023 di Istana Negara

Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan



### Puan Maslina binti Samsudin

Timbalan Pengarah Kanan, Gred E54 (M)

Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan, Jabatan Perangkaan Malaysia

**Bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N)**

Diterima pada 19 Disember 2023 di Istana Negara

Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan



### Puan Zulaika binti Kamat

Ketua Penolong Pengarah, Gred E48

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Johor

**Bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N)**

Diterima pada 28 Disember 2023 di Istana Negara

Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan



### Encik Abdul Rahman bin Salehudin

Pembantu Perangkaan, Gred E22 (TBBK)

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Melaka

**Pingat Bakti Masyarakat (P.B.M)**

Diterima pada 24 Ogos 2023

Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka Sempena Hari Jadi Ke-74 Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka Tahun 2023

# ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2022 Kementerian Ekonomi telah diadakan pada 7 Julai 2023 bertempat di Bangi Avenue Convention Center. Majlis telah dirasmikan oleh YB Mohd Rafizi bin Ramli selaku Menteri Ekonomi. Seramai 78 Penerima APC DOSM dari pelbagai kumpulan perkhidmatan di Ibu Pejabat turut diraikan dalam majlis.

Majlis ini diadakan sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan kepada warga Kementerian dan Jabatan yang telah berjaya memberi perkhidmatan cemerlang seterusnya menjadi *role model* kepada anggota lain untuk sama-sama meningkatkan lagi perkhidmatan demi mencapai matlamat Jabatan.

Bilangan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2023 Mengikut Kumpulan Perkhidmatan:

| Kumpulan Perkhidmatan | Jumlah |
|---|---|
| Pengurusan dan Professional | 44 |
| Pelaksana | 191 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **235** |

**235**
Jumlah Keseluruhan Kumpulan Perkhidmatan















YB RAFIZI RAMLI
MENTERI EKONOMI
JASAMU DIKENANG TAHUN 2023
KEMENTERIAN EKONOMI
Majlis
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
TAHUN 2022 DAN
JASAMU DIKENANG TAHUN 2023
KEMENTERIAN EKONOMI
7 JULAI 2023


Tahniah
Penerima APC DOSM Kedah
Tahniah
Penerima APC DOSM Perak
Tahniah
Penerima APC DOSM Perlis
Penerima
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2022
&
PESARA 2023
DOSM Johor
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2022
&
PESARA 2023
DOSM Negeri Sembilan
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2022
&
PESARA 2023
DOSM Melaka
MAJLIS
ANUGERAH PERKHIDMATAN
CEMERLANG 2022 &
JASAMU DIKENANG 2023

# LAWATAN RASMI KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

## SESI *WALKABOUT* DI IBU PEJABAT



















# LAWATAN RASMI KE DOSM NEGERI DAN PEJABAT OPERASI



# MODENISASI DAN INOVASI STATISTIK

*Dashboard* 078
Portal Data 085
Visual Interaktif 090

05


PERANGKAAN
OpenDOSM
NextGen





# DASHBOARD

## *Sustainable Development Goals (SDGs) Monitoring Dashboard*







SDG *Dashboard* merupakan platform visual interaktif yang memaparkan indikator SDG terkini bagi tujuan pemantauan kemajuan negara ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Platform ini telah dikemaskini berdasarkan laporan Indikator SDG, Malaysia, 2022 yang meliputi 195 indikator SDG di peringkat nasional, 80 indikator peringkat negeri dan 23 indikator peringkat daerah pentadbiran bagi data siri masa 2016 hingga 2022. SDG *Dashboard* memaparkan indikator SDG terkini secara visual interaktif bagi tujuan pemantauan ketersediaan indikator SDG ke arah mencapai Agenda 2030.

Platform ini merupakan sebahagian dari inisiatif DOSM dalam menyokong usaha kerajaan ke arah pendigitalan dan perkongsian data kepada masyarakat. Inisiatif ini akan memberi manfaat kepada kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, sektor swasta, penyelidik, pelajar dan orang ramai bagi mendapatkan maklumat berkaitan indikator SDG terkini.

## *Tourism Dashboard*

*Tourism Dashboard* merupakan gabungan pelbagai sumber data yang melibatkan Akaun Satelit Pelancongan dan Statistik Pelancongan Domestik yang diterbitkan oleh DOSM serta indikator daripada *Tourism Malaysia*. *Dashboard* ini merangkumi data siri masa dan indikator yang signifikan bagi memantau prestasi sektor pelancongan. Objektif pembangunan *dashboard* ini bertujuan untuk memudahkan pengguna mengakses indikator dan statistik yang berkaitan dengan sektor pelancongan. Di samping itu, manual-manual rujukan daripada badan Antarabangsa serta polisi yang dikeluarkan oleh kerajaan berkaitan pelancongan turut dimuat naik ke dalam platform *dashboard* ini.



## Sistem Analitik Pertanian (*Agricultural Analytical System*)




Perkembangan data raya dan ketersediaan teknologi telah mendorong pertumbuhan inovasi baharu dan membuka ruang kepada agensi kerajaan dan swasta untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat. Salah satu inisiatif yang dilaksanakan adalah Data Raya Sektor Awam (DRSA 2.0) dengan objektif seperti berikut:

Meningkatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan berpacukan analitis data;

- Mengoptimumkan penggunaan dan perkongsian data bagi membudayakan inovasi penciptaan produk data yang berpaksikan rakyat
- Membangunkan kompetensi penjawat awam dalam bidang sains data

Sistem Analitik Pertanian yang dibangunkan secara pendekatan *coaching* dengan pihak MAMPU merupakan salah satu projek di bawah inisiatif Projek Analitis Data Raya Sektor Awam (DRSA 2.0). Inisiatif DOSM melalui projek ini adalah untuk memberi nilai tambah kepada pengguna berkaitan produk pertanian dengan menyediakan statistik dalam paparan interaktif dashboard bagi empat subsektor pertanian iaitu tanaman, ternakan, perikanan dan perhutanan serta data pengeluaran dan penggunaan komoditi pertanian terpilih dalam negara. Visual interaktif yang memaparkan statistik berkaitan produk pertanian ini boleh diakses melalui Portal DOSM. Pengguna bebas memilih data yang dikehendaki mengikut pilihan negeri dan ia boleh dimuat turun secara percuma.

## *National Occupational Accident and Disease Statistics*




*Dashboard* ini memaparkan statistik kadar kemalangan pekerjaan yang diperincikan mengikut jenis kemalangan dan kecederaan, punca kemalangan, faktor penyebab kemalangan, industri dan negeri. Statistik ini dijana berdasarkan data kemalangan pekerjaan yang disediakan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kementerian Sumber Manusia. Tujuan utama Analisis Data Raya ini dibangunkan adalah bagi menjana proses automasi yang menggabungkan pelbagai sumber data untuk mengeluarkan indeks/kadar kemalangan pekerjaan kebangsaan mengikut indikator ekonomi dan kemalangan terpilih. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menyebarkan maklumat melalui visualisasi yang mesra pengguna.

## *Job Market Insights*




*Dashboard* ini memaparkan maklumat berkenaan statistik kekosongan pekerjaan dalam pasaran buruh di Malaysia yang diperincikan mengikut kategori industri, pekerjaan, kemahiran, negeri dan lain-lain. Visualisasi interaktif *dashboard* ini juga bertujuan untuk menilai perubahan dalam permintaan tenaga buruh dari masa ke semasa di samping memudahkan mana-mana pihak yang berminat dengan pasaran kerja di Malaysia dalam membuat keputusan berinformasi.

## *My Job Profile*

*Dashboard* ini dihasilkan dengan matlamat untuk menghasilkan profil pekerjaan yang disesuaikan mengikut petunjuk yang berkaitan, kekosongan pekerjaan dan kursus yang ditawarkan dalam profil pekerjaan tersebut. Tujuan lain *dashboard* ini adalah untuk membantu pengguna dalam eksplorasi kerjaya, kaunseling kerjaya dan pelbagai fungsi sumber manusia seperti membangunkan *job orders* dan deskripsi jawatan dan penyelarasan latihan mengikut keperluan pekerjaan serta penjodohan penawaran dan permintaan dalam pasaran buruh yang lebih baik.




## *Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID)*




*Dashboard* ini menjadi platform tunggal data pasaran buruh meliputi sumber data DOSM dan agensi terlibat. Objektif pembangunannya adalah bagi memudahkan pengguna mengakses indikator dan statistik berkaitan pasaran buruh, memenuhi permintaan data dari pengguna dalam tempoh lebih singkat serta mengurangkan volum permintaan data yang berbentuk *ad hoc*. *Dashboard* ini telah dilancarkan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan Malaysia semasa Forum Pasaran Buruh pada 16 Disember 2021.

## *MyPrice Dashboard*

*Dashboard* ini memaparkan harga berdasarkan kepada tiga sumber iaitu harga yang diperoleh daripada pemantauan KPDNHEP, data crawling dan pungutan harga oleh anggota DOSM di outlet terpilih seria mempunyai empat kategori utama barangan keperluan terpilih iaitu ayam, daging dan telur; sayur-sayuran; ikan dan makanan laut dan buah-buahan. *Dashboard* ini bertujuan membekalkan harga harian bagi barang keperluan tersebut kepada pelbagai pihak serta membolehkan kerajaan memantau dan menganalisis trend perubahan harga yang berlaku di samping membantu isi rumah mendapatkan maklumat yang lebih baik mengenai harga daripada sumber yang dipercayai.







## *Population and Housing Census of Malaysia Dashboard (MyCenDash)*

*Dashboard* ini telah dilancarkan semasa Majlis Pelancaran Laporan Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 pada 14 Februari 2022 di Dewan Canselor, Management and Science University (MSU), Shah Alam, Selangor. Objektif pembangunan *dashboard* ini adalah memberikan visualisasi terperinci berkenaan Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia bagi 6 tahun banci (1970-2020) berdasarkan variabel demografi terpilih. *Dashboard* versi *web-based* ini membolehkan pengguna meneliti profil penduduk dan tempat kediaman sehingga peringkat terkecil yang meliputi sempadan Mukim dan Dewan Undangan Negeri (DUN).



# *MyDemography*

*MyDemography* memaparkan visualisasi statistik penduduk dan demografi serta statistik gender yang menggambarkan keseluruhan perubahan penduduk dan demografi daripada tahun 1970 sehingga kini. Ia mempunyai empat segmen utama: *MyPopulation*, *MyVital*, *MyAgeing* dan *MyGender*. Objektif utama pembangunan *dashboard* ini adalah untuk memudahkan pengguna untuk mengakses indikator penduduk dan demografi serta gender sebagai rujukan dalam pembentukan, pelaksanaan dan pemantauan dasar yang berkaitan bidang kesihatan, kependudukan, ekonomi dan sosial. *Dashboard* ini telah ditambah baik pada paparan dan telah digabungkan bersama *Dashboard* Sebab Kematian (MyCOD).

*Dashboard* Sebab Kematian (MyCOD) membentangkan statistik kematian dan sebab kematian mengikut pengesahan sebab kematian yang disahkan secara perubatan bagi tahun 2000 hingga terkini. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menggunakan *International Statistical Classification of Diseases and Related Health Problem, 10th Revision* (ICD-10) yang diterbitkan oleh *World Health Organization* (2010) untuk mengklasifikasikan sebab kematian.









## *Malaysia Input - Output Table Dashboard (MyIOT)*




MyIOT *Dashboard* merupakan satu inisiatif yang telah dibangunkan bagi menerangkan proses aliran barangan dan perkhidmatan dalam sektor ekonomi. Platform ini menggambarkan prestasi ekonomi dan hubungan antara pengeluar (Penawaran) dan pengguna (Penggunaan) serta kesalingbergantungan antara industri. Ekonomi Malaysia yang terdiri daripada pelbagai dustri, masing-masing mengeluarkan barangan dan perkhidmatan khusus mereka yang tersendiri. Sebagai sebuah negara ekonomi perdagangan terbuka, Malaysia bergantung kepada import dan input yang dikeluarkan dari dalam negara bagi memenuhi permintaan pengguna. Segala transaksi perniagaan barangan dan perkhidmatan ini direkodkan dalam Jadual Penggunaan Penawaran dan Penggunaan yang kemudiannya dimatrikkan ke dalam Jadual Input-Output. Jadual Input-Output memberikan penerangan terperinci tentang struktur pengeluaran dalam ekonomi dan penggunaan barangan dan perkhidmatan. Paparan visualisasi MyIOT *Dashboard* di portal Jabatan telah disebarkan kepada umum pada 29 Ogos 2022.

## *OpenDOSM NextGen*

Pada 13 April 2022, DOSM telah melancarkan platform *OpenDOSM* yang telah dilancarkan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi. *OpenDOSM* merupakan platform alternatif kepada akses data terbuka bagi statistik rasmi. *OpenDOSM* adalah platform yang menyediakan akses pada data berbentuk *machine readable* yang terdiri daripada pelbagai set data, termasuk sosial, ekonomi dan kewangan serta alam sekitar.

Antara data yang ada di *OpenDOSM* ialah Keluaran Dalam Negeri Kasar, Kependudukan, Pasaran Buruh, Imbangan Pembayaran dan lain-lain lagi. Selaras dengan usaha kerajaan untuk melaksanakan data terbuka, *OpenDOSM* merupakan inisiatif terbaru yang dibangunkan sepenuhnya oleh DOSM bagi mempromosi dan menggalakkan penggunaan data terbuka di kalangan orang awam.



# PORTAL DATA

## *Statistics Data Warehouse (StatsDW 2.0)* - versi terkini 2023

StatsDW merupakan sistem pengurusan gudang data yang berperanan sebagai pusat simpanan data ekonomi dan sosial daripada pelbagai banci dan survei yang dilaksanakan oleh DOSM. StatsDW membolehkan capaian pantas dan mudah kepada data siri masa yang disimpan dan menyediakan akses yang lebih luas kepada pengguna mengikut keperluan dan tahap capaian yang dibenarkan.

Selain berfungsi sebagai storan data, ia juga menyediakan platform interaktif antaranya melalui *eDatabank*, *Data Visualisation*, *Virtual MyLab*, *Actionable Analytics* dan *Mobile Discovery* di mana penguna boleh meneroka dan melaksanakan analisis dengan lebih berkesan.






## Projek *Statistics Big Data Analytics (StatsBDA)*




DOSM merupakan agensi kerajaan yang telah melaksanakan projek *Big Data* melalui *StatsBDA*. Projek *StatsBDA* ini bermula pada Disember 2016 dan pembangunannya telah selesai pada Mei 2018. Projek *StatsBDA* ini mempunyai 5 modul iaitu *Trade by Enterprise Characteristic* (TEC), *Price Intelligence* (PI), *Public Maturity Assessment on Official Statistics* (PMAOS), *Real Time Business Status* (RTBS) dan BiZcode@StatS.

## *StatsDigital*




Dalam usaha melestarikan penerbitan statistik dan laporan terpelihara sebagai khazanah negara, DOSM telah melaksanakan Modenisasi Pendigitalan. Modenisasi yang dinamakan *StatsDigital* ini telah mentransformasikan statistik dan laporan berbentuk fizikal kepada bentuk digital yang boleh dicapai oleh semua peringkat pengguna melalui Portal *StatsDigital*.

Portal *StatsDigital* ini mengandungi penerbitan seawal tahun 1891 hingga ke tahun semasa. Pengguna boleh memilih penerbitan dalam bentuk e-book atau set data yang akan memudahkan pengguna melakukan analisis yang berkaitan.

Antara penambahbaikan Projek StatsDigital yang terkini ialah:

- Penyelenggaraan dan Khidmat Sokongan *Database* - NoSQL *Enterprise Database* dan Infra
- Penyelenggaraan Sistem *StatsDigital Base on Latest Technology* - *Server*, *Storage* dan semua Infra bagi *StatsDigital*
- Penyelenggaraan Pencegahan (Preventive Maintenance) dan Penyelenggaraan Baik Pulih (*Corrective Maintenance*) *Scanner*, *Workstation*, *Power Stabilizer* dan PC.
- *Tools Maintenance & License*
- Latihan Teknikal dan Latihan Pengoperasian dipergiat lagi

## *StatsGeoportal*

Aplikasi ini dibangunkan bagi memudahkan capaian pelbagai maklumat geospatial yang amat diperlukan dalam perancangan dan pembangunan. Selain itu, aplikasi ini dapat membantu DOSM dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat secara dalam talian bagi mendapatkan maklumat pemetaan Malaysia. Manfaat melalui aplikasi ini juga akan dapat menggalakkan penggunaan maklumat geospatial yang lebih meluas di peringkat Malaysia, Negeri dan Daerah. Terdapat enam (6) modul yang dipaparkan di dalam portal iaitu Interaktif Visualisasi, Informasi *StatsGeo*, Interaktif Data Siri Masa, *Small Area Population*, *Point of Interest* (POI) geospatial dan Laporan.

**Transaksi Aplikasi Perkhidmatan Dalam Talian**

Bilangan transaksi aplikasi perkhidmatan dalam talian bagi Stats Geoportal untuk sepanjang tahun 2023 adalah sebanyak 3,260.

**3,260**
**Bilangan transaksi aplikasi perkhidmatan dalam talian**

**Penambahbaikan atau aktiviti sepanjang 2023**

Aktiviti pengemaskinian data yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 adalah seperti berikut:

- Banci Penduduk & Perumahan Malaysia, 2020
- Anggaran Penduduk Semasa, 2023
- Perangkaan Penting, 2022
- Guna Tenaga, 2022
- Pendapatan Isi Rumah, 2022
- Fasiliti Kesihatan, 2022
- Fasiliti Pendidikan, 2022






## *Malaysia Informative Data Centre (MysIDC)*




*Malaysia Informative Data Centre (MysIDC)* adalah gerbang informasi setempat yang mengandungi data sosial dan ekonomi bagi Malaysia. *MysIDC* mengandungi data daripada DOSM serta agensi kerajaan yang lain. Data yang terdapat di dalam *MysIDC* meliputi Akaun Negara, Imbangan Pembayaran dan Pelaburan, Perdagangan Luar Negeri, Indeks, Perangkaan Utama Industri, Kewangan dan Perbankan, Pasaran Buruh, Kependudukan, Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah, Pertanian, Alam Sekitar, Pendidikan, Petunjuk Sosial Lain dan Indikator Jangka Pendek.

# PORTAL BANCI

## Portal Banci Ekonomi

Portal Banci Ekonomi ini mengandungi penerbitan seawal tahun 2011 hingga ke tahun semasa. Pengguna boleh memilih penerbitan dalam bentuk *e-book* yang akan memudahkan pengguna melakukan analisis yang berkaitan. Portal ini mengandungi aplikasi perkhidmatan seperti Statistik Geoportal, Visualisasi, e-Pembelajaran, Statistik Tempatan, Sudut Pelajar dan *MyEase*. Selain itu, portal ini juga memaparkan rakan banci antarabangsa dari seluruh dunia antaranya Biro Banci Amerika Syarikat, Statistik New Zealand, Biro Perangkaan Australia, Statistik Korea, Perangkaan Kebangsaan dan Statistik Kanada. Di samping itu, pengguna juga boleh menggunakan alternatif lain bagi mengikuti berita atau maklumat semasa mengenai Banci Ekonomi dengan merujuk media sosial DOSM seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Youtube* bagi mendapatkan maklum balas yang lebih efisien.



## Portal Banci Malaysia *(MyCensus)*

Portal Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 serta Stats Geoportal telah dilancarkan kepada umum pada 30 Mei 2018. Portal Banci dibangunkan dengan objektif untuk menjadi pusat rujukan berhubung penyebaran data, statistik, maklumat dan aktiviti-aktiviti banci secara berstruktur, sistematik dan berterusan bagi meningkatkan kesedaran orang awam tentang kepentingan banci. Stats Geoportal pula berperanan sebagai pusat rujukan data dan analisis banci dalam bentuk spatial bagi membolehkan orang awam meneroka, melihat dan mengakses maklumat di pelbagai peringkat lokasi dan geografi secara interaktif.

Pembangunan kedua-dua portal ini membolehkan pengguna mengakses satu antara muka dalam menjana data yang lebih berkesan. Ia turut memperkasa serta memperkukuh penyampaian maklumat data banci dan data geospatial bagi kegunaan semua pengguna. Data, statistik dan maklumat serta aktiviti dalam kedua-dua portal ini dikemas kini dari masa ke semasa bagi keperluan pengguna dan orang awam.

Pengemaskinian input portal berpandukan kepada penemuan dapatan data banci. Antara penambahbaikan yang dilaksanakan dalam portal adalah seperti berikut:

- *Quick Facts* berkaitan penduduk di tiga daerah tertinggi di setiap negeri
- *Highlight* Hari-Hari Istimewa di paparan slider portal
- Aktiviti pengemaskinian portal dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan isi kandungan portal adalah relevan dan terkini bagi kegunaan pengguna



# VISUAL INTERAKTIF

## *Malaysia External Trade Statistics Online (METS Online)*

*Dashboard* ini versi pertama *METS Online* telah dilancarkan pada Disember 2010 dan versi kedua telah dikeluarkan pada bulan September tahun 2014. Manakala, *METS Online* versi 3 yang menyediakan maklumat eksport dan import di peringkat *Harmonized Commodity Description and Coding System* (HS) 10-digit dan *Standard International Trade Classification* (SITC) 9-digit telah dilancarkan pada 7 Februari 2018. HS adalah berdasarkan Pertubuhan Kastam Sedunia (WCO), manakala SITC adalah berdasarkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). *METS Online* versi terkini dapat memberikan pengguna keupayaan untuk memilih sehingga 11,700 kod produk berbanding 5,200 kod dalam edisi sebelumnya. *METS Online* dibangunkan untuk memudahkan pengguna mengakses maklumat perdagangan luar negeri antara Malaysia dan negara lain.




## *Population Quick Info*




*Population Quick Info* (PQI) merupakan satu sistem carian penduduk yang cepat dan mudah. Sistem ini mesra pengguna kerana data boleh dimuat turun serta dicetak terus melalui internet. Data yang terkandung dalam PQI adalah data Anggaran Penduduk Antara Banci 1970-2010, Anggaran Penduduk Semasa dan Unjuran Penduduk yang merupakan anggaran penduduk pertengahan tahun (30 Jun). Data ini boleh diakses mengikut negeri, kumpulan etnik, umur dan jantina.

## *Interactive Malaysia Statistical Business Register (i-MSBR)*

i-MSBR merupakan aplikasi perkhidmatan dalam talian berbentuk visual interaktif yang dibangunkan berasaskan senarai pertubuhan di *Malaysia Statistical Business Register* (MSBR). Ia memaparkan statistik pertubuhan aktif berdaftar yang beroperasi di Malaysia. Sehingga kini, i-MSBR telah dikemaskini berdasarkan data terkini sehingga 31 Disember 2023 dan maklumat dikemaskini secara berkala setiap enam (6) bulan sekali. Berdasarkan i-MSBR bilangan pertubuhan aktif terkini adalah 1,137,523.




## *Malaysia Business Cycle Clock (MBCC)*

Seiring kemajuan dan kepesatan teknologi, data menjadi instrumen yang paling berharga. Dalam usaha mendekatkan data dengan rakyat, projek *Malaysia Business Cycle Clock* (MBCC) merupakan inovasi DOSM untuk menggambarkan secara visual Indeks Pelopor (IP) dan Indeks Serentak (IS) yang diterbitkan secara bulanan. MBCC melangkaui visualisasi tradisional bagi statistik siri masa Indeks Pelopor, Indeks Serentak dan komponen-komponennya. Majlis pelancaran telah diadakan pada 5 Disember 2019 dan MBCC berupaya memberi dimensi baharu kepada pengguna untuk memahami pergerakan kitaran ekonomi secara visual serta mesa pengguna dan interaktif berbanding melihat data siri masa. Sehingga kini, MBCC akan dikemaskini bagi setiap bulan.



## *Malaysia CPI Inflation Calculator*

*Malaysia CPI Inflation Calculator* ialah visual interaktif yang disediakan sebagai satu platform kepada pengguna untuk mengira berapakah susut nilai wang pada masa tertentu dan sekaligus menjadi salah satu medium untuk melihat kuasa pembeli pada tempoh masa tertentu. Visual interaktif ini menyediakan data perbandingan nilai wang bagi satu tempoh bulan pada tahun tertentu kepada satu tempoh bulan pada tahun yang lain mengikut keperluan perbandingan pengguna. Platform ini melibatkan data Indeks Harga Pengguna (IHP) bermula dari tahun 1980 sehingga data tahun semasa.




## *MyLocal Stats*

Visual Interaktif *My Local Stats* merupakan satu inisiatif DOSM untuk memaparkan statistik sehingga ke peringkat daerah pentadbiran secara visualisasi berbentuk infografik supaya menarik lebih ramai pengguna untuk mengakses statistik yang dibekalkan.

Visual Interaktif *My Local Stats* disediakan dalam versi web melalui portal DOSM dan mobile apps DOSM. My Local Stats Mobile Apps boleh dimuat turun melalui aplikasi *Apps Store* (IOS) atau *Play Store* (Android) dengan kata carian DOSM. Visual interaktif versi web pula boleh diakses melalui pautan https://www.dosm.gov.my/portal-main/mylocalstats/.

Visual interaktif *My Local Stats* memaparkan 16 bidang yang mengandungi indikator ekonomi dan sosial meliputi 316 indikator pada peringkat nasional, 238 indikator pada peringkat negeri dan 101 indikator pada peringkat daerah pentadbiran.



## Aplikasi Mudah Alih DOSM

DOSM telah membangunkan dua aplikasi mudah alih (*mobile apps*) yang boleh diakses secara percuma dan berfungsi melalui peranti Android, IOS dan Huawei. Kedua-dua aplikasi ini boleh dimuat turun melalui *Apps Store* (IOS) atau *Play Store* (Android) dengan kata carian DOSM dan *BizCode*.

### Aplikasi Mudah Alih DOSM

Fungsi terkini Aplikasi Mudah Alih DOSM yang menyambungkan portal DOSM ke dalam bentuk paparan smartphone membolehkan pengguna mengakses portal DOSM dimana sahaja berada. Antara fungsi yang terdapat di aplikasi mudah alih DOSM adalah seperti Penunjuk Utama Malaysia, Keluaran Statistik Terkini, Kalendar Keluaran Awalan (ARC), *My Local Stats*, *Pocket Stats*, Latihan Industri dan sebagainya.




### *BizCode@Stats*

Aplikasi *BizCode@Stats* adalah platform untuk berkongsi aktiviti kod dan klasifikasi statistik keluaran DOSM. Ia dibangunkan mengikut piawaian pengkelasan global. Aplikasi mudah alih *BizCode@Stats* direka untuk membantu pengguna mengenal pasti kod dan keterangan secara interaktif. *BizCode@Stats* adalah platform yang membolehkan pengguna mengakses aplikasi kod dan klasifikasi statistik melalui peranti mudah alih tanpa sambungan internet.



# KOMUNIKASI STATISTIK


| | |
|---|---|
| Medium Penyebaran Statistik | 096 |
| Statistik Bersama Komuniti | 104 |
| Kunjungan Hormat dan Kunjungan Muhibah | 108 |
| Memorandum Persefahaman (MoU) | 111 |


06


BANCI EKONOMI 2023
RAFIZI


KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
BANCI EKONOMI 2023
DATA PEMANGKIN EKONOMI NEGARA
1 APRIL - 30 SEPTEMBER 2023
buletin


JABATAN
Welcome to the
DOSM Official Portal

# MEDIUM PENYEBARAN STATISTIK

## DOSM @ MEDIA CETAK DAN ELEKTRONIK

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 5,385 liputan media berkaitan DOSM telah disiarkan melalui akhbar, dalam talian dan siaran. DOSM telah mengeluarkan kenyataan media dan hebahan berkaitan aktiviti/program dan produk DOSM yang dijalankan seiring dengan tarikh siaran data dan diedarkan kepada semua media tempatan serta antarabangsa.

Liputan DOSM dalam media sepanjang tahun 2023:

| Bulan | Media Elektronik, Cetak dan Siaran | | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | Umum | Keluaran Statistik DOSM | |
| Januari | 62 | 311 | 373 |
| Februari | 51 | 428 | 479 |
| Mac | 65 | 330 | 395 |
| April | 32 | 219 | 251 |
| Mei | 66 | 402 | 468 |
| Jun | 47 | 561 | 608 |
| Julai | 12 | 554 | 566 |
| Ogos | 2 | 574 | 576 |
| September | 5 | 536 | 541 |
| Oktober | 1 | 504 | 505 |
| November | 1 | 603 | 604 |
| Disember | - | 363 | 363 |
| **Jumlah** | **344** | **5,385** | **5,729** |


Malaysia berada di landasan tepat jadi negara berpendapatan tinggi
11月通脹放緩增長1.5%
Kumpul data 1.2 juta pertubuhan
Stats Dept: Manufacturing sector sales up 2.5pc y-o-y to RM1.03t for Jan-July 2023
DOSM: Malaysia can withstand global economic challenges after strong trade performance
Inflasi kekal rendah 2% pada Ogos
8月领先指标跌幅收窄 反映大马经济温和增长
















Program wawancara DOSM sepanjang tahun 2023

| Program | Bilangan |
|---|---|
| Siaran | 15 |
| Radio | 28 |
| Online | 2 |
| Akhbar | 4 |
| Jumlah | 49 |
























# DOSM @ MEDIA SOSIAL

Kemudahan aplikasi media sosial telah mendorong penyampaian dan penyebaran maklumat secara meluas kepada semua segenap lapisan masyarakat. Selain kemudahan berkomunikasi, media sosial juga digunakan secara meluas oleh DOSM sebagai salah satu medium penyebaran utama bagi memastikan pengguna dapat mengakses capaian statistik dengan berkesan. DOSM juga merupakan salah satu Agensi Kerajaan yang paling aktif di media sosial. Sehingga 31 Disember 2023, liputan dan jumlah pengikut DOSM di media sosial adalah seperti berikut:

**Facebook (@StatsMalaysia) :**
**48,724** *followers*
https://www.facebook.com/StatsMalaysia/

**Instagram (@StatsMalaysia) :**
**9,364** *followers*
**6,091** posts
https://www.instagram.com/statsmalaysia/

**X (@StatsMalaysia) :**
**18,450** *followers*
**12,158** *tweets*
https://x.com/statsmalaysia

**Youtube (@StatsMalaysia) :**
**2,328** *subscribers*
**549** *videos*
**219,883** *views*
https://www.youtube.com/statsmalaysia

**TikTok (@StatsMalaysia) :**
**1,068** *followers*
https://www.tiktok.com/@statsmalaysia















# HARI BERSAMA PELANGGAN (HBP)

DOSM telah melaksanakan Hari Bersama Pelanggan (HBP) melalui platform FB Live. Sesi yang telah dianjurkan pada 14 dan 15 Jun 2023 adalah bagi menyediakan ruang kepada pengguna dan pelanggan DOSM untuk mengemukakan sebarang pertanyaan.




**14 Jun 2023**

## HBP Bil.1/2023

## Sesi Interaktif *Malaysian Economic Statistics Review* (MESR)

Penceramah:

1. Encik Herzie Mohamed Nordin (Pengenalan MESR)
2. Encik Md Sobri Md Yusoff (MESR Sektor Pertanian)
3. Encik Mohammad Luqman Humaidi (MESR Sektor Industri dan Pembuatan)
4. Puan Norzarita Samsudin (MESR Sektor Perkhidmatan)




**15 Jun 2023**

## HBP Bil.1/2023

## Sesi Interaktif *Malaysian Economic Statistics Review* (MESR)

Penceramah:

1. Puan Wan Siti Zaleha Wan Zakaria (MESR Sektor Luaran)
2. Puan Yong Joo Chiet (MESR Senario Buruh)
3. Puan Mardziah Nawama (MESR Sektor Harga)








# APLIKASI DALAM TALIAN@PORTAL DOSM

Portal dan Aplikasi Mudah Alih Baharu DOSM telah dilancarkan pada 17 April 2023. Ianya dibangunkan selari dengan usaha pemodenan dan inovasi berterusan DOSM ke arah penyampaian perkhidmatan statistik yang berkesan dan mempunyai nilai tambah dalam sumbangan kepada perkhidmatan kerajaan. Portal dan Aplikasi Mudah Alih DOSM yang baharu ini dibangunkan dengan ciri-ciri berteknologi tinggi dengan reka bentuk dan susun atur yang moden dan minimalistik serta mengutamakan pengalaman pengguna (*user centric*).

Sehingga 31 Disember 2023, portal DOSM www.dosm.gov.my telah dikunjungi oleh lebih daripada **10,590,065 orang pelawat**. Portal DOSM juga dilengkapi dengan pelbagai perkhidmatan dalam talian bagi memudahkan capaian statistik oleh pengguna.




**10,590,065**
orang pelawat















Seramai **13,743 pengguna baru** telah berdaftar di eStatistik dan sebanyak **551,409 bilangan transaksi muat turun** penerbitan percuma di eStatistik telah dilakukan oleh pengguna pada tahun 2023.

**13,743**
pengguna baru telah berdaftar

**551,409**
bilangan transaksi muat turun penerbitan percuma




| No. | Title of Publications | Product Type | Release Series | Release Date |
|---|---|---|---|---|
| 581 | Environment Statistics, Johor | Publication | Year 2023 | 15 December 2023 |
| 582 | Environment Statistics, Perlis | Publication | Year 2023 | 15 December 2023 |
| 583 | Environment Statistics, Perak | Publication | Year 2023 | 15 December 2023 |
| 584 | Mining of Petroleum and Natural Gas Statistics | Publication | Third Quarter 2023 | 15 December 2023 |
| 585 | Environment Statistics, Melaka | Publication | Year 2023 | 15 December 2023 |
| 586 | Annual Economic Statistics (AES), Employment and Salaries & Wages Statistics | Publication | Year 2022 | 14 December 2023 |
| 587 | Statistics on Women Empowerment In Selected Domains, Malaysia | Publication | Year 2023 | 13 December 2023 |
| 588 | Malaysia Human Development Index | Publication | Year 2022 | 11 December 2023 |
| 589 | Monthly Manufacturing Statistics, Malaysia | Publication | October 2023 | 11 December 2023 |
| 590 | Index of Industrial Production, Malaysia | Publication | October 2023 | 11 December 2023 |

Page «« « 54 55 56 57 58 59 60 61 62 63 » »»
Record 581 to 590 from 6,510

Copyright © 2017 Jabatan Perangkaan Malaysia Hakcipta Terpelihara
Blok C6, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62514, PUTRAJAYA
Tel: 03-8885 7000 || Faks: 03-8888 9248
Laman Web: https://www.dosm.gov.my

# NEWSLETTER 2023

Sepanjang tahun 2023, sejumlah 78 *Newsletter* telah dikeluarkan oleh DOSM. *Newsletter* ini mengandungi maklumat secara ringkas bagi produk dan penerbitan terpilih DOSM, panduan maklumat am semasa, teknologi dan modul yang dibangunkan serta program semasa yang telah dijalankan oleh Bahagian Butiran Perkara dan DOSM Negeri.

**78**
***Newsletter* telah dikeluarkan**



























# STATS ALERT 2023

DOSM turut membuat perkongsian statistik berbentuk grafik dikenali sebagai *Stats Alert* yang memaparkan ringkasan penemuan statistik/ survei/ laporan yang dijalankan. *Stats Alert* merupakan salah satu cara untuk meningkatkan literasi statistik terhadap pengguna dengan menggunakan kaedah infografik yang lebih mudah difahami. Sepanjang tahun 2023, sebanyak **293 *Stats Alert*** telah dikeluarkan dengan purata **24 *Stats Alert*** sebulan.

**293**
*Stats Alert* telah dikeluarkan pada 2023



# POKET STATS 2023

Poket Stats menyediakan statistik ekonomi dan sosial bermula tahun 2018 hingga suku ketiga tahun 2024 untuk mengukur kemajuan dan prestasi ekonomi Malaysia bagi memenuhi keperluan merancang polisi dan program pembangunan.

| Bil | Siri Penerbitan | Tarikh Penerbitan |
|---|---|---|
| 1. | Poket Stats ST4 2022 | 10 Februari 2023 |
| 2. | Poket Stats ST1 2023 | 12 Mei 2023 |
| 3. | Poket Stats ST2 2023 | 18 Ogos 2023 |
| 4. | Poket Stats ST3 2023 | 17 November 2023 |
















































# STATISTIK BERSAMA KOMUNITI

## *STATS TALK*

*Stats Talk* merupakan salah satu program statistik bersama komuniti DOSM yang bertujuan untuk meningkatkan literasi statistik di kalangan pengguna yang terdiri daripada agensi kerajaan, pensyarah serta pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Program *Stats Talk* dilaksanakan secara dalam talian/ fizikal yang dianjurkan oleh agensi kerajaan/ IPT tersebut dan tertutup untuk jemputan terpilih sahaja.

Senarai program *Stats Talk* anjuran agensi kerajaan/IPT yang telah dihadiri oleh DOSM bagi tahun 2023 adalah seperti jadual berikut:

| Bil. | Agensi/IPT (Penganjur) | Tarikh | Tempat | Topik | Penceramah/ Speaker |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Universiti Putra Malaysia (UPM) | 12 Jan 2023 | UPM, Serdang | Demografi dan Kependudukan | Puan Noor Faadlilah binti Ismail<br>Penolong Pengarah, BPPD |
| 2 | OYAGSB, UUMKL | 4 Feb 2023 | Cisco Webex Online Platform | *Data-driven Approaches to Economic Decision Making* | YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin<br>Ketua Perangkawan Malaysia |
| 3 | Universiti Teknologi Malaysia (UTM) | 4 April 2023 | Cisco Webex Online Platform | Kepentingan Data Ke Arah Pembangunan Mampan | YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin<br>Ketua Perangkawan Malaysia |
| 4 | Persatuan Pegawai Kesihatan Persekitaran Malaysia (EHOM) | 15 Jun 2023 | Hotel Sri Malaysia Genting Highlands, Pahang | Memperkukuhkan Penyampaian Perkhidmatan: Aplikasi Statistik Dalam Kesihatan Persekitaran | Encik Wan Mohd Shahrulnizam bin Wan Mohd Najuri<br>Pengarah Kanan, BPPD |
| 5 | UiTM | 13 Jun 2023 | UiTM Kampus Sungai Buloh | *Population and Demography* | Encik Mohamad Shukor bin Mat Lazim<br>Timbalan Pengarah, BPPD |
| 6 | UiTM | 20 Jun 2023 | UiTM, Kampus Puncak Alam, Selangor | *Data Mining in Real Practice* | Puan Faiza Rusrianti binti Tajul Arus<br>Penolong Pengarah, CTADR |
| 7 | INTI International College Subang | 21 Jun 2023 | *Online* | *Data Science* | Nur Aziha binti Mansor<br>Ketua Penolong Pengarah, CTADR |
| 8 | UKM | 3 Julai 2023 | *Online* | *Population and Demography* | Puan Norfariza Hanim binti Kasim<br>Timbalan Pengarah, BPPD |
| 9 | LPPSA | 13 Julai 2023 | Bilik Mesyuarat Utama, LPPSA | Analisis dan Persembahan *Data OpenDOSM NextGen* | 1. Puan Veronica S. Jamilat Ketua Penolong Pengarah, CTADR<br>2. Cik Mazliana binti Mustapa Ketua Penolong Pengarah, CTADR<br>3. Encik Farril Fardan bin Danial Penolong Pengarah, BIPD |
| 10 | UiTM Cawangan Perlis | 24 Ogos 2023 | *Online* | *Perspective on the importance of Data Accuracy and Innovation in Analyses Technique* | YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin<br>Ketua Perangkawan Malaysia |

| Bil. | Agensi/IPT (Penganjur) | Tarikh | Tempat | Topik | Penceramah/ Speaker |
|---|---|---|---|---|---|
| 11 | MOH | 13 Sept 2023 | Everly Hotel, Putrajaya | *Redefining Wellness Through Sustainable Development Goals (SDG) and Universal Health Coverage (UHC)* | Encik Wan Mohd Shahrulnizam bin Wan Mohd Najuri<br>Pengarah Kanan, BPPD |
| 12 | MITI | 5 - 6 Oktober 2023 | Innovation Hall, SIRIM Lot PT 5285, Off Lebuhraya Puchong - Sg Besi, 57000 Bukit Jalil, Kuala Lumpur | *Slot 1 - Balance of Payments: Investment Jargon Slot 2 - Balance of Payments: Trade in Service*<br>*Slot 5 - Trade in Goods: Learning from scratch* | 1. Encik Abdul Latif bin Abd Kadir<br>Ketua Penolong Pengarah, BPPA<br>2. Encik Hisham bin Abdul Hamid<br>Perangkawan, MITI<br>3. Puan Siti Sarah binti Che Dan<br>Ketua Penolong Pengarah, BPIP<br>4. Encik Zuradi bin Jusoh<br>Penolong Pengarah Kanan, BPIP |
| 13 | LZNK | 18 Okt 2023 | Raia Hotel, Alor Setar, Kedah | *Unlocking The Potential: The Data Revolution In Zakat And Waqf Management* | YBhg. Dato Sri Dr. Mohd Uzir Mahdin<br>Ketua Perangkawan Malaysia |
| 14 | Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) | 30 – 31 Okt 2023 | | *Workshop on Understanding Big Data: Fundamental Concepts and Framework* | CTADR |
| 15 | KKDW | 12 Dis 2023 | KKDW | HIES/BA 2022 dan Banci Pertanian 2024 | 1. Puan Siti Asiah binti Ahmad<br>Pengarah Kanan, BPHPP<br>2. Encik Mohamad Hamizan bin Abdullah<br>Timbalan Pengarah, BPPAS |













# LAWATAN AKADEMIK

Program Lawatan Akademik merupakan satu inisiatif DOSM bagi perkongsian ilmu statistik dan pengalaman dalam menyedia dan mengeluarkan statistik rasmi negara. Kumpulan sasar program ini terdiri daripada Agensi Kerajaan, pensyarah serta pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Program lawatan akademik adalah berdasarkan permohonan daripada agensi kerajaan/IPT dan dilaksanakan secara fizikal di Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 6 program lawatan akademik telah dilaksanakan seperti jadual berikut:

| Bil. | Agensi/IPT | Tarikh | Tempat | SMD (Penceramah) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Pejabat Kesihatan Cheras | 17 April 2023 | Bilik Seminar, Aras 2, DOSM | CTADR<br>BMP<br>BPPD |
